KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO TASEK GELUGOR







LAPORAN TAHUNAN

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

2020

ISSN 2756-8148
9 772756 814002

www.pmtg.edu.my

VISI

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul

MISI

01 Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf

02 Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat

03 Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

04 Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

OBJEKTIF KUALITI

KECEMERLANGAN AKADEMIK

Memastikan kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang daripada 90% bagi setiap semester.

Berusaha memastikan sekurang-kurangnya 25% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program bagi setiap semester

KECEMERLANGAN STAF

Memastikan setiap staf menghadiri kursus / menjalani latihan selama 5 hari setahun.

KECEMERLANGAN PROSES

Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan / mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan.

LAPORAN TAHUNAN

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Diterbitkan oleh

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR
No.25, Jalan Komersial 2
Pusat Komersial Tasek Gelugor
13300 Tasek Gelugor
Pulau Pinang

Cetakan Pertama 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian kandungan Laporan Tahunan 2020 Politeknik METrO Tasek Gelugor ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik METrO Tasek Gelugor.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN: 2756-8148
e-ISSN: 2756-8431

SIDANG REDAKSI

Penaung
Ts. Zulkurnain bin Shahadan (Pengarah)

Penasihat
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa (Timbalan Pengarah Akademik)
Mohamad Tarmizy bin Ahmad (Timbalan Pengarah Sokongan Akademik)
Mohd Kamal Ariffin bin Zakariya (Ketua Jabatan Akademik)

Ketua Editor
Hazleena binti Osman

Editor
Maz Azleena binti Azahari, Norhasaliza binti Hassan, Nor Zalina binti Salleh,
Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman dan Effa Norhaiza binti Omar

Pengurus Projek dan Ketua Grafik/Rekabentuk
Mohd Azizi bin Mohd Nor

Grafik/Rekabentuk dan Fotografi
Mohamad Azarol Faizal bin Abdul Jalil, Maz Azleena binti Azahari, Haryati binti Mahmod,
Ku Muhammad Asnawi bin Ku Yahaya dan Naqib Idlan bin Nadzri

Proof Read
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa, Mohamad Tarmizy bin Ahmad dan Hazleena binti Osman

Maklumat dan Gambar

Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)
Farah Ariffah binti Abd Aziz

Program Diploma Pengajian Video dan Filem
Salbiah binti Kasim

Unit Pengajian Umum
Ahmad Sani bin Aman

Unit Peperiksaan
Nor Shazana binti Abdul Rashid

Unit Perhubungan dan Latihan Industri
Zaidatul Najlaa binti Mohd Said

Unit e-Pembelajaran
Azizah binti Siron

Unit Jaminan Kualiti
Siti Hajar binti Hj.Saad @ Mohd Yusof

Unit Perancangan Strategik dan Prestasi Politeknik
Sa'amah binti Hassan

Unit Kecemerlangan Pelajar
Mohamad Azuan bin Mohamed Arshad

Unit Pengurusan Risiko
Hazleena binti Osman

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan
Dr. Majdah binti Mahamud

Unit Pengantarabangsaan
Muniamal@Puspa a/p Perumal

Unit Pentadbiran dan Kewangan
Nurul Linda binti Abdul Rahman

Unit Hubungan dan Komunikasi Korporat
Haryati binti Mahmod

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
Mariati binti Ahamad Zabidi

Unit Hal Ehwal Pelajar
Norsulliatie binti Muhammad

CISEC
Maz Azleena binti Azahari

Unit Pembangunan dan Senggaraan
Ts. Hasbullah bin Mansor

Unit Instruksional dan Multimedia
Mohd Azizi bin Mohd Nor

Unit Pengurusn Aset
Norhayati binti Ismail

Unit Pengurusan Psikologi
Suhaila binti Sarif

Unit Pengurusan Keselamatan
Effa Norhaiza binti Omar

Unit Keusahawanan
Noraini binti Ramli

Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan
Aubbry Cynddy Grace K.Diaz

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Mohammad Yahaya Rizal bin Zainol Abidin

Unit Pengurusan Aset
Norhayati binti Ismail

Unit Perpustakaan
Norsyahirah binti Khoder

KANDUNGAN

Visi dan Misi i
Mukasurat Terbitan ii
Sidang Redaksi iii
Kandungan iv
Latar Belakang Politeknik METrO Tasek Gelugor 1
Dari Meja Pengarah 2
Pengurusan Tertinggi Politeknik METrO Tasek Gelugor 4
Carta Pengurusan Politeknik METrO Tasek Gelugor 5
Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) 6
Program Diploma Pengajian Video dan Filem 17
Unit Pengajian Umum 24
Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan 25
Unit Peperiksaan 28
Unit Hal Ehwal Pelajar 31
Unit E-Pembelajaran 46
Unit Pengurusan Psikologi 51
Unit Pengantarabangsaan 68
Unit Kecemerlangan Pelajar 75
Unit Keusahawanan 82
Unit Perhubungan dan Latihan Industri 103
Unit Hubungan dan Komunikasi Korporat 112
Unit Jaminan Kualiti 115
Unit Perancangan Strategik dan Prestasi Politeknik 126
Unit Pengurusan Risiko 129
Unit Pengurusan Keselamatan 132
Unit Instruksional dan Multimedia 135
Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan 144
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan 151
CISEC 158
Unit Pentadbiran dan Kewangan 169
Unit Pembangunan dan Senggaraan 174
Unit Pengurusan Aset 179
Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 184
Unit Perpustakaan 189

LATAR BELAKANG POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) merupakan Politeknik METrO ke-5 yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 8 Oktober 2012. Pengoperasian PMTG bermula di Politeknik Seberang Perai secara sementara. Pada 23 November 2015, PMTG mula beroperasi sepenuhnya di kampus tetap di Pusat Komersial Tasek Gelugor dalam sebuah pekan kecil Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.



Penubuhan PMTG bukan satu persaingan kepada sistem Politeknik Malaysia sedia ada tetapi satu peluang kepelbagaian sistem politeknik sebagai METrO yang bermaksud *Maximising Education Training Opportunities*. Ini merupakan cabaran utama dalam pengoperasian PMTG sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) *Technical and Vocational Education and Training (TVET)*. Enam puluh (60) orang jentera penggerak sehingga kini gigih bersama-sama mencapai visi dan misi PMTG sebagai sebuah IPT yang menawarkan kepakaran mengikut bidang pengkhususan yang responsif terhadap keperluan industri dan berubah mengikut keperluan semasa.

PMTG yang merupakan sebuah institusi *TVET* di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi tidak terkecuali daripada peranannya melahirkan graduan *TVET* separa profesional bagi menyokong pembangunan negara dari segi ekonomi dan kemajuan teknologi serta menjana modal insan yang berketrampilan. Justeru, Jawatankuasa Penasihat Industri PMTG yang dianggotai wakil industri ditubuhkan untuk membantu PMTG sentiasa berdaya saing. Selain itu, Jawatankuasa Penasihat Program Pengajian PMTG juga ditubuhkan yang turut dianggotai oleh wakil-wakil IPTA dan IPTS supaya program – program yang dilaksanakan mengikut perkembangan kurikulum dan teknologi semasa. PMTG menawarkan 2 (DUA) Program Pengajian diploma iaitu Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) dan Diploma Pengajian Video dan Filem yang dilaksanakan secara *Blended Learning* (Pembelajaran Teradun) dan *Work-Based Learning (WBL)*. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara WBL mendapat sokongan dan kerjasama yang terbaik daripada syarikat-syarikat produksi untuk penempatan selama setahun untuk pelajar-pelajar program Diploma Pengajian Video dan Filem.

Perkataan METrO pada Politeknik METrO Tasek Gelugor adalah akronim kepada *Maximizing Education and Training Opportunities* bermaksud PMTG juga menyediakan akses yang luas untuk pendidikan dan peluang latihan kepada komuniti setempat, industri-industri dan agensi-agensi dengan menawarkan program, kursus serta latihan melalui Pendidikan Sepanjang Hayat *(Life Long Learning)*. Kebanyakan program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dilaksanakan oleh PMTG fokus ke arah peningkatan kemahiran *TVET* melalui program-program *reskilling* dan *upskilling*.

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pertama PMTG dalam pensijilan profesional dengan industri adalah bersama Flextronics Technology (M) Sdn. Bhd. – Plant 5 (Flex P5) di Pulau Pinang. Kejayaan program ini telah menarik minat cawangan Flex yang lain seperti PT. Flextronics Technology Indonesia, Batam, Flex Senai 3, Flex Skudai dan Flex Pelabuhan Tanjung Pelepas. Bidang kerjasama meliputi program Persijilan Profesional Automasi Pembuatan, Persijilan Profesional Operasi Peralatan, Persijilan Profesional Produksi Video, dan Diploma Profesional Kejuruteraan Debug. Kepakaran tenaga pengajar diperolehi hasil kerjasama dan sokongan daripada institusi pengajian tinggi seperti UTM, USM, UiTM, UTHM, UniKL, PMTG, POLIMAS, PSP dan ILP.

Pada tahun 2019, PMTG telah menerima geran sebanyak RM300,000 dari Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera (ICU), Jabatan Perdana Menteri Pulau Pinang untuk melaksanakan program Professional *Diploma in Aerospace Manufacturing* khusus bagi belia-belia Pulau Pinang daripada keluarga B40. Ia adalah program kolaborasi di antara PMTG dengan Aerospace Composites Malaysia (ACM) Sdn. Bhd. serta Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri Pulau Pinang (ICU JPM). Program ini telah berjaya dilaksanakan selama empat tahun berturut-turut dari tahun 2015 hingga tahun 2019. Program ini telah menggalakkan perkongsian kepakaran dan fasiliti serta menghasilkan pelajar yang memiliki sijil kemahiran seperti CATIA, V5, CAD, CAM, CNC dan Milling and Lathe sehingga Tahap 2.

PMTG sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik dan semampu yang mungkin agar dapat meningkatkan dan melahirkan lebih ramai para graduan TVET yang holistik dan berdaya saing pada masa akan datang.

DARI MEJA PENGARAH

Assalamu'alaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Sesungguhnya tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar dalam mengelolakan sebuah institusi pengajian tinggi. Sebagai Pengarah di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), saya sentiasa mendoakan PMTG tetap berdaya saing dan mencapai visi serta misi walaupun dalam cabaran mendepani arus Pandemik *Covid-19*. Semuanya menjadi amalan norma baharu terutama dalam penyampaian instruksional Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang juga dikenali sebagai PdPDT iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian. Pengurusan pentadbiran, kewangan dan akademik terkesan dengan fenomena Pandemik Covid-19 apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama diumumkan pada 18 Mac 2020.

Syukur ke hadrat Illahi atas limpah kurnia dan petunjukNya, Buku Laporan Tahunan PMTG berjaya diterbitkan walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran norma baharu. Sebagaimana lazimnya ia memaparkan laporan-laporan pengoperasian serta aktiviti-aktiviti PMTG dalam mengharungi era norma baharu tahun 2020. Saya berharap hasil pelaporan ini memanfaatkan para pembaca secara keseluruhannya sama ada pihak berkepentingan seperti industri, ibu bapa dan pelajar serta pentadbir di peringkat negeri mahupun persekutuan yang prihatin dengan perkembangan pendidikan masa kini.

Tahun 2020 menjadi tahun bertuah bagi PMTG atas pencapaian 100% melalui Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* bagi PMTG berdasarkan *KPI* Persist yang dikawalselia oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Disamping itu PMTG juga telah dinobatkan Pencapaian Penjanaan Tertinggi Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pencapaian Penyertaan Tertinggi Program Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi kategori Politeknik METrO.



Pengoperasian PMTG disokong sepenuhnya oleh tiga komposisi utama iaitu Akademik, Sokongan Akademik dan Pengurusan & Pentadbiran. Penstrukturan carta organisasi PMTG amat membantu pengoperasian agar berjalan lancar dalam landasannya mencapai misi dan visi PMTG sebagai politeknik METrO (*Maximising Education Training Opportunity)* selain pengambilan pelajar sepenuh masa. Oleh itu, sebanyak 25 unit termasuk sebuah Jabatan Akademik (JA) telah dibentuk serta diperinci skop tugas dan peranan masing-masing bagi mengoptimumkan tenaga kerja dalam pengoperasian PMTG untuk mencapai sasaran kerja yang telah dirancang.

PMTG melalui Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) dan *Corporate Industrial Services & Employability Center (CISEC)* masih meneruskan usaha melaksanakan pelbagai program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bersama pihak Industri dan komuniti dalam usaha memperkasakan pembudayaan PSH terutama dalam kalangan komuniti setempat dan cabarannya pasti ada bagi tahun 2020 apabila pelaksanaannya dibuat secara dalam talian.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua staf PMTG yang terlibat dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan Majlis Apresiasi Industri dan Mesyuarat Penasihat Industri 2020 dimana telah mendapat perhatian dan pujian dari pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan rakan-rakan industri PMTG. Majlis ini diadakan sebagai penghargaan di atas kerjasama rapat rakan-rakan industri bersama dengan PMTG. Majlis gemilang ini telah dirasmikan oleh YBhg. Ts. Dr. Mohamad Naim bin Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Espira Hotel, Bandar Kinrara, Selangor pada 23 September 2020.

Mengekalkan budaya kerja cemerlang juga merupakan satu cabaran yang memerlukan pengukuhan dan sokongan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, setiap insan di PMTG memainkan peranan penting dan ianya amatlah dihargai sebagaimana aspirasi daripada pepatah Melayu yang mengatakan "Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat".

Hasil kerja secara berpasukan akan terus dan tetap diamalkan di PMTG dengan tenaga kerja 60 orang dimana 32 orang daripadanya adalah staf akademik, 23 orang staf sokongan akademik dan 5 orang pengurusan tertinggi. Sehingga berakhirnya tahun 2020 enrolmen pelajar PMTG merekodkan sebanyak 286 orang pelajar termasuk pelajar Latihan Industri dan *Work-based Learning*.

Prestasi kewangan PMTG merekodkan pencapaian perbelanjaan dan pengurusan yang mampan dengan kebolehan mencapai Peratus Perbelanjaan Mengurus sebanyak 99.91% melalui peruntukan yang diterima sebanyak RM 3,920,495.42 dan telah pun dibelanjakan sebanyak RM 3,917,214.53. Waran Pembangunan pula telah diterima sebanyak RM 477,542.00 dan semuanya berjaya dibelanjakan dengan catatan Peratus Prestasi Pembangunan sebanyak 100%. Kedua-dua keupayaan prestasi ini direkodkan sehingga berakhirnya tahun 2020.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf PMTG dalam penghasilan Buku Laporan PMTG Tahun 2020. Seiring dengan era norma baharu tahun 2020, PMTG berusaha penuh dalam mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) dan peka dengan setiap arahan yang sedang berkuatkuasa sebagai usaha dan komitmen padu terhadap usaha kerajaan Malaysia memutuskan rantaian Covid-19 agar negara bebas daripada virus ini buat selama-lamanya.


Sekian, terima kasih.

Ts. Zulkurnain Bin Shahadan
Pengarah
Politeknik METrO Tasek Gelugor

PENGURUSAN PENTADBIRAN
POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR



Ts.ZULKURNAIN BIN SHAHADAN
Pengarah




Ts.SITI SALAMAH BINTI MUSTAFFA
Timb.Pengarah Akademik



MOHAMAD TARMIZY BIN AHMAD
Timb.Pengarah Sokongan Akademik



NURUL LINDA BINTI ABDUL RAHMAN
Penolong Pegawai Tadbir



MOHD KAMAL ARIFFIN BIN ZAKARIYA
Ketua Jabatan Akademik

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

POLITEKNIK MALAYSIA METrO TASEK GELUGOR



Ts. ZULKURNAIN BIN SHAHADAN
PENGARAH



HARYATI BINTI MAHMOD
KU HUBUNGAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT



Ts. SITI SALAMAH BINTI MUSTAFFA
TIMB. PENGARAH AKADEMIK



MOHAMAD TARMIZY BIN AHMAD
KETUA JABATAN SOKONGAN AKADEMIK
(TIMB. PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK - LANTIKAN DALAMAN)



MOHD KAMAL ARIFFIN BIN ZAKARIYA
KETUA JABATAN AKADEMIK



NOR SHAZANA BINTI ABDUL RASHID
KU PEPERIKSAAN



ZAIDATUL NAJLAA BINTI MOHD SAID
KU PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI



AZIZAH BINTI SIRON
KU E-PEMBELAJARAN



NURUL LINDA BINTI ABDUL RAHMAN
KU PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



MARIATI BINTI AHAMAD ZABIDI
KU LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN



NORSULLIATIE BINTI MUHAMAAD
KU HAL EHWAL PELAJAR



MAZ AZLEENA BINTI AZAHARI
KETUA CISEC



SITI HAJAR BINTI SAAD
KU JAMINAN KUALITI



SA'AMAH BINTI HASSAN
KU PERANCANGAN STRATEGIK DAN PRESTASI POLITEKNIK



HAZLEENA BINTI OSMAN
KU PENGURUSAN RISIKO



MOHAMAD AZUAN BIN MOHAMED ARSHAD
KU KECEMERLANGAN PELAJAR



MOHD AZIZI BIN MOHD NOR
KU INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA



Ts. HASBULLAH BIN MANSOR
KU PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN



NORHAYATI BINTI ISMAIL
KU PENGURUSAN ASET



SUHAILA BINTI SARIF
KU PENGURUSAN PSIKOLOGI



Dr. MAJDAH BINTI MAHAMUD
KU PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIAL



MUNIAMAL@PUSPA A/P PERUMAL
KU PENGANTARABANGSAAN



EFFA NORHAIZA BINTI OMAR
KU KESELAMATAN



NORAINI BINTI RAMLI
KU KEUSAHAWANAN



AUBBRY CYNDDY GRACE K. DIAZ
KU SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN



MOHAMAD YAHAYA RIZAL BIN ZAINOL ABIDIN
KU TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



NORSYAHIRAH BINTI KHODER
PENOLONG PUSTAKAWAN

PETUNJUK

LANTIKAN HAKIKI

LANTIKAN DALAMAN



PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)

PENGENALAN


Program pengajian Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) atau singkatannya ialah DDT menyediakan pendidikan dan latihan di dalam bidang Pengkomputeran dengan penekanan khusus pada bidang Teknologi Maklumat. Kursus-kursus yang ditawarkan dikelompokkan kepada modul seperti Platform *Technologies, Computing Foundation, Programming Essentials, Industry-Led modules dan Industry Domain Cluster* yang merujuk kepada tugas tertentu. Program DDT di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) lebih memfokuskan kepada trek Keselamatan Maklumat.

Kursus-kursus yang ditawarkan memberi peluang kepada para pelajar untuk mencapai pelbagai kerjaya dalam pelbagai sektor ICT. Program ini juga menyediakan pelajar dengan kemahiran boleh pindah dan kemahiran berbagai yang membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan teknologi baru.

Di samping kursus teknikal, pelajar juga akan mempelajari kursus Umum seperti Bahasa Inggeris untuk Teknologi Digital, Pengajian Islam atau Pendidikan Moral serta Ko-kurikulum untuk meningkatkan kemahiran *soft skills* mereka. Oleh kerana program ini memberi penekanan kepada *self-initiated learning* dan *hands-on competencies,* graduan program ini akan bersedia menghadapi cabaran dunia teknologi pengkomputeran.

Kursus seperti *internship* juga dibekalkan kepada pelajar agar mereka lebih kompeten dengan situasi kerja sebenar dalam bidang pengkomputeran di samping meningkatkan kemahiran generik. Program ini telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia(MQA).

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (DDT)

AKTIVITI 1: BENGKEL RANCANGAN PERNIAGAAN, PENGURUSAN KEWANGAN & PENDAFTARAN PERNIAGAAN




Tarikh: 02 Mac 2020
Lokasi: Bilik Seminar PMTG
Masa: 8.00 pagi – 5.00 petang

Pengenalan

Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan perancangan perniagaan dan pengurusan kewangan dalam dunia perniagaan yang sebenar. Ia juga bertujuan untuk membantu pelajar dalam menghasilkan rancangan perniagaan dan pengurusan kewangan bagi projek e-Usahawan dalam kursus yang diambil. Bengkel ini turut memberi informasi kepada pelajar untuk mendaftarkan perniagaan sekaligus memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan agensi/pihak tertentu yang boleh dihubungi untuk menyuntik dana perniagaan.






The importance of a business plan :
Strategic guide to the owner
Lender expectations
Investor expectations
Asset = Liability + Equity











AKTIVITI 2: PROGRAM PEMBENTANGAN DAN PENILAIAN PROJEK AKHIR DIPLOMA *IN INFORMATION TECHNOLOGY (DIGITAL TECHNOLOGY)*(DDT) SESI DISEMBER 2019 & SESI JUN 2020


Tarikh: 25 Mac 2020 (Sesi Disember 2019) dan
30 September 2020 (Sesi Jun 2020)
Masa: 8.00 pagi – 5.00 petang
Lokasi: Politeknik METrO Tasek Gelugor


Pengenalan

Pada 25 Mac 2020 dan 30 September 2020, Pembentangan dan Penilaian Projek Akhir DDT telah diadakan dengan jayanya. Pembentangan telah dilaksanakan oleh pelajar semester 5 DDT. Bagi sesi Disember 2019, panel penilai adalah terdiri daripada panel dalaman serta panel industri dan telah dilaksanakan secara bersemuka. Panel industri yang terlibat adalah Encik Emran bin Ibrahim dari Seeloz (M) Sdn Bhd. Program ini turut dihadiri oleh Tuan Pengarah, Ts. Zulkurnain bin Shahadan. Program bermula daripada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang. Perjalanan program berjalan dengan lancar pada hari tersebut.

Bagi sesi Jun 2020, program ini diadakan secara dalam talian disebabkan keadaan semasa iaitu pandemik Covid-19. Pelajar telah melaksanakan pembentangan secara maya dan dinilai oleh panel penilai dalaman yang terdiri daripada pensyarah Politeknik.

Sepanjang program ini, pelajar telah membentangkan hasil projek akhir masing masing kepada panel penilai dan juga pensyarah PMTG. Pelajar diberi peluang untuk menerangkan dan mempertahankan hujah berkaitan projek yang telah dijalankan. Sesi soal jawab dan demonstrasi tersebut dapat memberi pengalaman kepada pelajar sebelum terjun ke alam pekerjaan sebenar setelah tamat belajar kelak.


Nurul Rafidah is presenting
SCOPE OF PROJECT
USER SCOPE
Admin
• Admin can monitor what happen in website
• Manage and update product in website.
Staff
• Staff can update and manage product.
• Manage booking order from customer.
Customer
• Customer can view all product details.
• Customer can book product at website or via link Whatsapp or direct call.
You
Wan Rider
Nurul Aida
Zirwatul Hanan
Nurul Rafidah
Izani afifi
Nur Athirah
RED BIKE GA...
Meeting details
People (14)
Chat
Add people
IN CALL
sulliatie muhamm... (You)
Amiera Syakira
Faizul Faris
Izani afifi
mariatul :p
Nadia Zamri
Nur Athirah
Nur Sazwana
Nurul Aida


W
Amiera Syakira
F
Meeting details
People (15)
Chat
Add people
IN CALL
sulliatie muhamm... (You)
Alia Fauzi
Amiera Syakira
Faizul Faris
Faizul Faris
Izani afifi
mariatul :p
Nadia Zamri
Nur Athirah

AKTIVITI 3: WATIKAH PELANTIKAN PENASIHAT INDUSTRI DAN PENASIHAT PROGRAM DDT PMTG

Tarikh: 22 September 2020
Masa: 10.00 pagi – 10.15 pagi
Lokasi: Inspira Resort, Kinrara Puchong, Selangor

Pengenalan

Pelantikan Penasihat Industri adalah untuk menjalinkan kolaborasi aktif antara PMTG dan pihak industri. Kerjasama pintar antara rakan industri dengan institusi pendidikan tinggi dapat membantu meningkatkan kualiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) bagi memacu penghasilan graduan berkualiti yang memenuhi keperluan industri dan guna tenaga negara.

Kolaborasi yang telah dipersetujui antara rakan industri dan Politeknik METrO Tasek Gelogor merupakan hala tuju strategik meliputi bidang utama iaitu Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital). Persetujuan kolaborasi itu juga adalah hasil kerjasama strategik yang bakal memberikan impak keuntungan jangka panjang terutamanya dalam membangunkan sumber tenaga kerja yang mahir, berpengetahuan serta kompetitif dalam persekitaran perhubungan perusahaan di industri.

Penasihat Program yang turut dilantik di dalam program ini merupakan individu yang dipercayai dapat memberikan kerjasama serta menyumbangkan kepakaran khususnya berkenaan program DDT, demi memastikan kemajuan pembangunan akademik, institusi dan negara amnya supaya selaras dengan keperluan semasa dan juga sejajar dengan pelan pendidikan yang telah ditetapkan. Selain itu, Penasihat Program merupakan tempat rujukan untuk berkongsi ilmu kepada pensyarah dan pelajar.





PELANTIKAN PENASIHAT INDUSTRI DAN PENASIHAT PROGRAM DDT PMTG

Nama: Dr. Zarul Fitri Zaaba
Jawatan: Pensyarah Kanan, School of Computer Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

Bidang Pengkhususan:
- Information security
- Usable Security
- Data security and Privacy

Kelayakan :
- BIT Hons (Information Technology) Universiti Utara Malaysia.
- MSc (Information Security) Royal Holloway University of London, United Kingdom.
- PhD, University of Plymouth, United Kingdom.



AKTIVITI 4: BENGKEL MAKLUM BALAS KURIKULUM

Tarikh: 22 September 2020
Masa: 10.40 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat: Inspira Resort, Kinrara Puchong, Selangor

Pengenalan

Bengkel maklum balas kurikulum bersama pihak industri ini bertujuan untuk membantu memperkemaskan Kurikulum program sedia ada. Panel daripada Industri telah menyemak dan mencadangkan kandungan kursus yang bersesuaian dan relevan, sejajar dengan keperluan industri yang terkini dan keperluan industri pada masa akan datang. Bukan itu sahaja, panel daripada industri turut mencadangkan penggunaan platform online education dan juga bahan rujukan yang bersesuaian bagi kursus yang dilaksanakan di politeknik. Cadangan penambahbaikan dan panduan turut diberikan kepada pihak Politeknik berkenaan kemahiran yang perlu diterapkan dan dipelajari oleh para pelajar supaya mereka mampu bersaing dalam pasaran semasa kelak.









AKTIVITI 5: BENGKEL *BUSINESS IN COMPUTER REPAIR AND PRINTING INKUBATOR IT* PMTG

Tarikh: 23 September 2020
Lokasi: Bilik Seminar,PMTG

Pengenalan


Seramai 31 orang pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah melibatkan diri dalam *Bengkel Business in Computer Repair and Printing Inkubator IT* pada 23 September 2020. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi latihan program inkubator IT keusahawanan yang melibatkan pelajar program Teknologi Maklumat. Selain itu, bengkel ini juga memberi pendedahan kepada pelajar secara teori dan kemahiran praktikal berkaitan computer repair, troubleshooting dan configure printer. Sesi praktikal asas troubleshooting juga merupakan salah satu topik dalam kursus DFC10033 (*Introduction to Computer System*) dan ia telah menjadi salah satu kaedah penambahbaikan bagi kursus DFC10033.


Tenaga pengajar bagi bengkel ini adalah merupakan pelajar PMTG yang baru menamatkan latihan industri sesi Disember 2019. Semasa sesi bengkel, pelajar diberi peluang untuk membuat latihan praktikal *computer repair and troubleshooting* dalam kumpulan kecil. Pelajar juga disediakan nota berkaitan proses asas *troubleshooting* PC dan laptop.

Dengan kejayaan pelaksanaan bengkel ini, Unit Keusahawanan dan Jabatan Akademik PMTG berharap agar ia menjadi nilai tambah kepada pelajar dan dapat melahirkan usahawan khususnya dalam bidang teknologi maklumat yang berkeyakinan untuk menjadikan keusahawanan kerjaya pilihan mereka.









AKTIVITI 6: MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR 2020

Tarikh: 12 November 2020
Masa: 8.00 pagi – 5.00 petang
Lokasi: Politeknik METrO Tasek Gelugor (Secara Dalam Talian)

Pengenalan

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar 2020 PMTG telah diadakan bagi memberi penganugerahan kepada pelajar semester akhir dan bersama-sama meraikan serta sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan para pelajar dan kakitangan akademik sepanjang mereka berada di PMTG. Pada majlis berkenaan terdapat dua sesi yang telah dijalankan iaitu pada sesi pagi dan sesi petang. Seramai 128 orang pelajar PMTG yang terdiri daripada pelajar program DDT dan DDV telah terlibat dalam majlis berkenaan dan tiga (3) anugerah telah diumumkan.

Objektif


- Mengiktiraf pencapaian kecemerlangan akademik pelajar secara dalam talian.
- Meningkatkan motivasi pelajar ke arah kecemerlangan akademik melalui anugerah yang diberikan.
- Memberi pendedahan laluan kerjaya setelah menamatkan pelajaran melalui taklimat industri yang dijalankan secara maya.





Taklimat oleh Encik Emran dari Seeloz (M) Sdn Bhd & Taklimat oleh Encik Mahadzir dari KinoCinema Media secara maya.







DIPLOMA PENGAJIAN VIDEO DAN FILEM


SINOPSIS PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN VIDEO DAN FILEM

Program Diploma Pengajian Video dan Filem direka bagi menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang pengajian video dan filem dengan memberi penekanan khusus kepada teknologi digital. Kursus yang ditawarkan terdiri daripada kursus wajib, teras umum, pengkhususan dan elektif. Kursus-kursus tersebut adalah seperti *'Fundamental Art and Design'*, *'Fundamental Drawing'*, *'Art History'*, *Fundamental of Photography'*, *'Audio Video Technology'*, *'Editing and Compositing'*, *'Film Studies'*, *'Introduction to Video Production'*, *'Digital Imaging'*, *'Video Production 1'*, *'Scriptwriting'* dan *'Cinematography'*.

Kursus seperti *'Video Media Project'*, *'Production Design'*, *'Video Production 2'* dan *'Video Production Portfolio'* merupakan kursus yang ditawarkan ketika pelajar menjalani latihan *'Work Based Learning' (WBL),* bagi memastikan pelajar yang dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sebenar melalui proses latihan di industri.

Selain itu, pelajar bagi program ini juga dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan digital seperti perisian dan perkakasan yang relevan dalam industri filem dan penyiaran. Selain daripada kursus teknikal, pelajar bagi program ini juga dibekalkan dengan kursus-kursus umum seperti Seni Dalam Islam, Pengajian Malaysia, Nilai Masyarakat Malaysia, Komunikasi Penyiaran Dalam Islam, Bahasa Inggeris Komunikatif, Kokurikulum, Keusahawanan, Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam kemahiran insaniah.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI PENSYARAH

PROGRAM PENINGKATAN KEPAKARAN *e-LEARNING : BASIC LIGHTING FOR CINEMATOGRAPHY*

Tarikh : 24 Ogos 2020 – 25 Ogos 2020
Lokasi : Bilik Seminar, PMTG

Pengenalan Program

Program Peningkatan Kepakaran *e-Learning: Basic Lighting for Cinematography* telah dijalankan pada 24 Ogos – 25 Ogos 2020 di Bilik Seminar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Penceramah industri diundang daripada *Kino-I Pictures Sdn Bhd* telah menamatkan dengan jayanya sesi perkongsian ilmu tentang kepentingan pencahayaan di dalam sinematografi. Justeru, barisan pensyarah PMTG berkenaan lebih berkeyakinan dalam mengendalikan peralatan pencahayaan dan menghasilkan video yang mengaplikasikan teknik pencahayaan yang betul. Hasil program ini telah membantu institusi TVET di dalam memastikan para pensyarah yang berkemahiran sejajar keperluan industri. Selain itu, program ini juga menjadi ruang dan peluang pihak industri dan PMTG berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan teknologi mengikut trend semasa di dalam industri perfileman.













PROGRAM PENINGKATAN KEPAKARAN *e-LEARNING : MOTION GRAPHIC AND VFX FOR VIDEO EDITOR*

Tarikh : 26 Ogos – 27 Ogos 2020
Lokasi : Bilik Seminar PMTG

Pengenalan Program

Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah mengadakan Program Peningkatan Kepakaran *e-Learning: Motion Graphic And VFX For Video Editor* pada 26-27 Ogos 2020 bertempat di Bilik Seminar PMTG. Program ini telah dikendalikan oleh *Kino-I Pictures Sdn Bhd* yang melibatkan tenaga pengajar bagi Diploma Pengajian Video dan Filem. Program bersama industri ini bertujuan memperkenalkan tenaga pengajar di PMTG menggunakan konsep motion graphic dan VFX. Disamping itu juga, program ini dapat membantu tenaga pengajar di dalam menghasilkan video yang menggunakan elemen motion graphic dan VFX. Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan lancar dan dapat dijadikan ruang dan peluang bagi pihak industri dan PMTG berkongsi maklumat di dalam bidang berkaitan.









BENGKEL *SPATIAL AUGMENTED REALITY : CREATIVE MEDIA MAPPING*

Tarikh : 7 September – 10 September 2020
Tempat : Bilik TECC dan Makmal 5

Pengenalan Program

Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah mengadakan Bengkel *Spatial Augmented Reality : Creative Media Mapping* pada 7 – 10 September 2020 bertempat di Makmal 5 dan Bilik TECC PMTG. Bengkel ini dijalankan bagi memberi kemahiran kepada tenaga pengajar di PMTG di dalam menghasilkan bahan dan memahami proses menghasilkan projection mapping. Bengkel berlangsung selama dua hari di bawah kelolaan wakil industri, Kinocinema Media. Tenaga pengajar di PMTG telah menerima pendedahan tentang alatan serta perisian yang diperlukan untuk membangunkan projection mapping. Secara keseluruhannya, bengkel ini amat memberangsangkan dan bermanfaat khususnya sebagai tenaga pengajar PMTG kerana didedahkan dengan pengalaman sebenar di pihak industri.







AKTIVITI PELAJAR

BENGKEL *CREATING VISUAL EFFECT AND CONCEPT DESIGN*

Tarikh : 21 - 24 SEPTEMBER 2020
Lokasi : Politeknik METrO Tasek Gelugor


Pengenalan Program


Bengkel *Creating Visual Effect and Concept Design* telah dijalankan pada 21- 24 September 2020 di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Bengkel dilaksanakan dengan tujuan memberi pengetahuan dan amalan terbaik dalam merekabentuk konsep dan kesan visual bagi menghasilkan sesuatu persembahan video yang mencapai tahap industri. Di samping itu, bengkel ini diharapkan mampu melazimi pelajar dalam mencari idea dan konsep menghasilkan projek. Penceramah undangan daripada *Kinocinema Media* berjaya membawa pelajar semester 1 bagi Kursus Diploma Video dan Pengajian Filem berjaya menjadikan bengkel ini bermanfaat kerana pengalaman dan pendedahan proses kerja sebenar di industri dikongsikan dalam sesi bengkel ini.











PROGRAM VISCOM PMTG 2020

Tarikh : 11 November 2020
Lokasi : Secara dalam talian menggunakan *Youtube* dan *Facebook*

Pengenalan Program

Program VISCOM PMTG 2020 merupakan pertandingan video pendek pelajar yang telah diadakan secara atas talian menerusi *facebook* dan *youtube* pada 11 November 2020 bermula 9.00 pagi sehingga 4.30 petang. Program ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kursus *DVV 5013 Event Management* bagi pelajar semester tiga dalam bidang Pengajian Video dan Filem di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Di dalam program ini, 15 filem pendek telah dipertandingkan daripada pelbagai kategori filem pendek dan disertai oleh pelajar DDV semester 2 dan 3. Tiga orang panel penilai undangan bagi VISCOM PMTG 2020 melibatkan En. Sharif Zulkepele bin Sharif Harrun (Zafrad Services (M) Sdn Bhd), En. Mohd Azlan bin Ariff *(Cloud Media Studio)* dan En. Mohamad Mahadzir bin Mohamad Hanafiah *(Kino Cinema Media)*. Kategori Filem pendek telah dijuarai oleh Tanjak daripada *Underground Production,* tempat kedua dimenangi oleh Filem Pendek Bisu daripada *Synster Studio* dan tempat ketiga pula dimenangi oleh Hubung daripada *Harvertz Studio.*





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO TASEK GELUGOR

VISCOM PMTG 2020

"KEEMASAN MIMPI REALITI"


VISCOM KEEMASAN MIMPI REALITI

TARIKH: 11 NOVEMBER 2020
MASA: 9.00 AM - 5.00 PM
PLATFORM: YOUTUBE & FACEBOOK

Viscom PMTG Viscom PMTG 2020









UNIT PENGAJIAN UMUM

PENGENALAN

Unit Pengajian Umum di Politeknik METrO Tasek Gelugor merupakan gabungan dua jabatan akademik iaitu Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA). Unit ini diurus tadbir oleh seorang Ketua Jabatan dan seorang Ketua Kursus iaitu Ketua Kursus Am. Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA). Unit ini diurus tadbir oleh seorang Ketua Jabatan dan seorang Ketua Kursus iaitu Ketua Kursus Am.

Enam orang pensyarah ditempatkan di unit ini. Mereka terdiri daripada pensyarah kursus Matematik, pensyarah kursus Bahasa Inggeris dan pensyarah kursus Pendidikan Islam.

Peranan utama Unit Pengajian Umum ialah membantu pensyarah program induk DDT dan DDV di dalam pelaksanaan kursus Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, dan Matematik. Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan kepada para pelajar diharap dapat menambah keyakinan serta kebolehan mereka untuk berinteraksi di dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan teknik komunikasi yang berkesan.

Kursus Pendidikan Islam dan Moral yang ditawarkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap konsep agama Islam dan moral yang melibatkan isu-isu seperti prinsip, etika, amalan pengurusan serta komunikasi dalam organisasi. Kursus ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelajar dalam mengamalkan serta mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian bagi menjadikan mereka insan yang sempurna dari segi rohani dan jasmani.

CARTA ORGANISASI





UNIT SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN

PENGENALAN

Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (USKK) adalah unit yang bertanggungjawab merancang, menyelia, mengurus, menyelaras segala aktiviti sukan, kokurikulum dan kebudayaan kepada pelajar mahupun kakitangan Politeknik METrO Tasek Gelugor. Aktiviti yang dianjurkan oleh USKK merangkumi aktiviti yang berkaitan sukan, badan beruniform, kelab persatuan dan juga kebudayaan. Aktiviti yang dirancang adalah untuk membantu meningkatkan kekuatan jasmani, emosi, rohani dan intelek sesuai dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Disamping dapat membentuk pelajar berkepimpinan, berketrampilan dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI UNIT SUKAN DAN KEBUDAYAAN

Program PMTG 5K *Virtual Run Challenge 2020 'Let's Keep Fit'*

Unit Sukan Kokurikulum dan Kebudayaan PMTG telah menganjurkan Program PMTG *5K Virtual Run* 2020 untuk oleh pelajar-pelajar PMTG. Program ini adalah program larian yang membolehkan peserta untuk berlari di mana-mana sahaja tanpa perlu menghadiri tempat program larian. Dalam situasi pandemik Covid-19, penganjuran program sukan yang melibatkan penonton, sukan-sukan kombat yang bersentuhan dan berkumpulan adalah dilarang. Oleh yang demikian program larian secara virtual ini yang menjadi pilihan untuk dilaksanakan. Peserta akan merekodkan larian menggunakan aplikasi larian yang terdapat dalam telefon bimbit mereka atau jam pintar (*smart watch*) dan rekod larian tersebut akan dihantar kepada penganjur sebagai bukti mereka telah menghabiskan 5km larian. Bagi peserta yang berjaya sahaja yang akan menerima kit larian. Objektif utama program ini ialah menggalakkan peserta untuk melakukan aktiviti fizikal untuk tujuan mengekal dan meningkatkan tahap kesihatan para peserta di samping memastikan peserta menyelesaikan larian dengan jayanya. Seramai 109 peserta telah menyertai program ini.



Pengambilan *Runner Kit*











UNIT PEPERIKSAAN

CARTA ORGANISASI



PENGENALAN


Unit Peperiksaan (UPEP) POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR (PMTG) bertanggungjawab bagi menyelaras dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, unit ini telah mendapat kerjasama penuh daripada semua jabatan lain.

AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN

AKTIVITI 1: TAKLIMAT PERSEDIAAN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt) SESI JUN 2020

Unit Peperiksaan Politeknik METrO Tasek Gelugor telah menjalankan Penilaian Alternatif bagi menggantikan Peperiksaan Akhir bagi Sesi Jun 2020 disebabkan penularan wabak Covid-19.

Unit Peperiksaan (UPEP) telah mengadakan sesi taklimat persediaan Penilaian Alternatif (PAIt) kepada semua pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) bagi Sesi Jun 2020. Bagi memastikan semua pelajar menghadiri taklimat ini, UPEP telah menyediakan satu borang secara dalam talian untuk pelajar mengisi kehadiran.




Carta Alir Proses Pelaksanaan PAIT



Contoh borang akuan pelajar







Antara agenda atau maklumat yang disampaikan adalah:

1. Jadual Waktu Penilaian Alternatif (JWPAIt).
2. Maklumat tambahan kepada pelajar.
3. Syarat dan arahan am penilaian alternatif.
4. Borang akuan pelajar.
5. Carta alir proses pelaksanaan PAIt.

MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN PMTG BIL. 2/2020 BAGI SESI JUN 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan PMTG Bil 2/2020 bagi Sesi Jun 2020 telah diadakan pada 24 Februari 2021 (Rabu) pada jam 8.30 pagi secara dalam talian yang dihadiri oleh seperti dalam jadual. Intipati mesyuarat adalah berkaitan dengan laporan PAIt Sesi Jun 2020 iaitu sebanyak 282 orang pelajar telah terlibat dalam PAIt dengan pecahan sebanyak 139 orang pelajar JTMK (termasuk 11 pelajar LISA) dan 143 orang pelajar JRKV (termasuk 54 pelajar WBL). Statistik keputusan penilaian akhir semester Sesi Jun 2020 adalah 100% lulus.

BIL	NAMA	JAWATAN
1	**Ts. ZULKURNAIN BIN SHAHADAN**	PENGARAH / PENGERUSI
2	**MOHAMAD TARMIZY BIN AHMAD**	TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK
3	**MOHD KAMAL ARIFFIN BIN ZAKARIYA**	KETUA JABATAN AKADEMIK
4	**ZAIDATUL NAJLAA BINTI MOHD SAID**	KETUA UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI & WBL
5	**NOR SHAZANA BINTI ABDUL RASHID**	KETUA UNIT PEPERIKSAAN

Kehadiran Jawatankuasa Peperiksaan sesi Jun 2020

DATA PENCAPAIAN I-GOT (*GRADUATE ON TIME*)

JADUAL PENGIRAAN GOT

GOT SESI JUN 2019
(Mesyuarat Lembaga Bil. 1/2020)

Jum. Ambilan DDT Sesi Jun 2017 : 48
Bil. Pelajar Tamat dalam Tempoh : 46
Keseluruhan GOT : 46
Tukar Politeknik : 1
Berhenti : 1
Peratusan GOT : 100%

GOT PELAJAR PKLI
(Mesyuarat Lembaga Bil. 3/2020)

Jum. Ambilan DDT Sesi Jun 2017 : 2
Bil. Pelajar Tamat dalam Tempoh : 2
Keseluruhan GOT : 2
Tukar Politeknik : 0
Berhenti : 0
Peratusan GOT : 100%

GOT SESI DISEMBER 2019
(Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2020)

Jum. Ambilan DDV Sesi Dis 2017 : 36
Bil. Pelajar Tamat dalam Tempoh : 32
Keseluruhan GOT : 32
Tukar Politeknik : 1
Berhenti : 1
Peratusan GOT : 94.12%

JUM. AMBILAN PELAJAR 84

JUM. PELAJAR GOT 78

JUM. KECICIRAN (Dalam tempoh pengajian) 4

PERATUSAN GOT 97.50%



UNIT HAL EHWAL PELAJAR

CARTA ORGANISASI

SINOPSIS
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) merupakan sebuah jabatan sokongan di Politeknik METrO Tasek Gelugor yang terdiri daripada Unit Pengambilan & Data dan Unit Kebajikan & Disiplin.

Jabatan ini bertanggungjawab di dalam hal-hal berkaitan pengambilan pelajar baharu, kebajikan, disiplin dan pembangunan sahsiah pelajar.




PILIHAN RAYA KAMPUS 2020

Pengenalan Program

Pilihan Raya Kampus 2020 telah berlangsung secara online telah melibatkan semua pelajar PMTG sebanyak 326 orang sama ada yang berada di kampus mahupun yang sedang menjalani Latihan Industri dan WBL.

Tarikh
8 Januari 2020 (Rabu)
Lokasi
Secara online







Keputusan Pilihanraya Kampus 2020

Keputusan undian telah memihak kepada Saudara Muhammad Arif bin Muhammad yang telah dipilih sebagai Yang Di Pertua.



KEM PENINGKATAN KEMAHIRAN MPP 2020

Pengenalan Program

Kem kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2020 melibatkan semua barisan MPP yang telah dipilih semasa pilihanraya kampus pada 8 Januari 2020 yang lepas. Kem ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran MPP dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan program, penguasaan Bahasa Inggeris dan juga jati diri serta motivasi barisan MPP. Watikah pelantikan kepada semua MPP juga telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), Ts. Zulkurnain bin Shahadan pada hari terakhir program iaitu pada 16 Februari 2020.

Tarikh
8 Januari 2020 (Rabu)
Lokasi
Tengas *Adventure Nature Camp*, Karangan, Kedah











Watikah pelantikan kepada semua MPP juga telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), Ts. Zulkurnain bin Shahadan pada hari terakhir program iaitu pada 16 Februari 2020.



Sesi Bergambar bersama Tuan Pengarah Politeknik METrO Tasek Geluhor (PMTG), Ts. Zulkurnain Bin Shahadan bersama dengan Unit HEP dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMTG.

PROMOSI JELAJAH SPM

Pengenalan Program

Promosi jelajah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah diadakan sempena hebahan kepada pelajar SPM dan mempromosikan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) khususnya atau Politeknik Malaysia sebagai institusi pilihan menyambung pengajian. Empat buah sekolah yang terlibat dalam promosi ini bersama dengan penglibatan 13 orang pegawai dari PMTG.

Tarikh
5 Mac 2020 (Khamis)
Lokasi
Kepala Batas









KOLABORASI

4

BUAH SEKOLAH

PROGRAM JELAJAH SPM

SMK DATO KAILAN

SMK KEPALA BATAS

SMK DATUK HAJI AHMAD BADAWI

SMK GEMILANG

BANTUAN PELAJAR PKP

Pengenalan Program

Bantuan pelajar ini diberikan kepada semua pelajar yang terkandas di sekitar PMTG setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 diumumkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tarikh
Sepanjang Mac - April 2020
Lokasi
Sekitar PMTG dan Tasek Gelugor







INFORMASI PROGRAM BANTUAN PELAJAR SEMASA PKP

1

Bantuan Pelajar PKP telah dirasmikan oleh YB. Dato' Mansor Bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi semasa lawatan beliau ke PMTG.

2

Sumbangan bersama KPT, NADMA, KPDNHEP dan YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, PJK (Ahli Parlimen Tasek Gelugor)

3

Bantuan Kewangan dan Makanan disumbangkan kepada pelajar yang terjejas semasa PKP Fasa 1.

4

Seramai 33 orang pelajar menerima bantuan mengikut data perincian yang diambil kira oleh pihak HEP.

PENGHANTARAN PELAJAR PULANG PKP

Pengenalan Program

Proses penghantaran pelajar telah dilaksanakan secara zoning dengan kesemua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seluruh utara. Pelajar-pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) Sehingga 30 Mei 2020 semua pelajar telah dihantar pulang ke rumah masing - masing dan sempat berhari raya bersama keluarga.

Tarikh
Sepanjang Mac - April 2020
Lokasi
Sekitar PMTG dan Tasek Gelugor





ZON PENGHANTARAN PELAJAR IPTA DAN IPTS

- Zon Utara
- Zon Selatan
- Zon Tengah
- Zon Pantai Timur
- Sarawak

PELAJAR IPTA DAN IPTS YANG TERLIBAT DALAM PELEPASAN PULANG KE RUMAH

- UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
- Universiti Utara Malaysia
- POLITEKNIK MALAYSIA SEBERANG PERAI
- POLITEKNIK MALAYSIA METrO TASEK GELUGOR
- KOLEJ KOMUNITI KULIM

PENDAFTARAN DAN MSK SESI JUN 2020

Pengenalan Program

Pendaftaran pelajar baharu sesi Jun 2020 telah berlangsung pada 3 - 5 Ogos 2020 yang melibatkan AJK Pendaftaran dalam kalangan pensyarah dan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Seterusnya sesi baharu dimulakan dengan Minggu Suai Kenal (MSK) dan MSK berjalan lancar dan mematuhi SOP yang telah digariskan.

Tarikh
3 Ogos 2020 - 5 Ogos 2020
Lokasi
Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)

INFO DAFTAR MSK

15
Orang Pensyarah Dan Urusetia Dari Kalangan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (Mpp) Terlibat Dalam Proses Daftar

TEMPOH DAFTAR DAN MSK BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI
Mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan untuk sepanjang proses daftar.

40
Orang pelajar Mendaftar untuk kemasukan ke Politeknik METrO Tasek Gelugor pada hari MSK Sesi Jun 2020

GARIS MASA HARI MSK JUN 2020





MULA DAFTAR MSK

HARI PERTAMA 3 OGOS 2020





HARI KEDUA 4 OGOS 2020





HARI KETIGA 5 OGOS 2020


TAMAT DAFTAR MSK

FOOD BANK PMTG 2020

Pengenalan Program

Food Bank Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah bermula pada Ogos 2020. Lokasi *Food Bank* ini terletak di hadapan Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP), PMTG, dengan tema *Take What U want and Share What U Have*. *Food Bank* ini terbuka kepada semua pelajar PMTG yang berada di kampus. Pelajar boleh mengambil makanan yang disediakan seperti roti, biskut, air, makanan dan minuman segera yang disediakan. Pada setiap hari Jumaat, pihak *Food Bank* ada menyediakan sarapan pagi kepada semua pelajar dalam program *Breakfast @ Friday*.

Tarikh
Ogos - November 2020
Lokasi
Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG)




Objektif *Food Bank* PMTG

MEMBANTU
meringankan beban pelajar yang menghadapi masalah kewangan tidak mencukupi

MEMBEKAL TENAGA
bagi pelajar sebelum pelajar memasuki sesi pengkuliahan di waktu pagi.

MENGGALAKKAN
budaya berkongsi rezeki bersama-sama agar dapat sama-sama membantu antara satu lain yang kurang bernasib baik di kampus.





UNIT e-PEMBELAJARAN

PENGENALAN

Unit e-Pembelajaran berfungsi untuk mempromosikan dan menerapkan budaya pembelajaran teradun di Politeknik METrO Tasek Gelugor. Budaya ini menggabungkan ruang pembelajaran dengan pendekatan secara dalam talian yang semestinya akan meningkatkan kualiti proses pembelajaran. E-Pembelajaran menerapkan budaya gabungan secara dalam talian dan pendekatan kelas secara bersemuka.

CARTA ORGANISASI





Oleh kerana arena pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi semakin mencabar pada hari ini, e-Pembelajaran akan menjadi platform dalam mencapai hasil pembelajaran teradun seperti yang diinginkan. Ruang ini turut membantu pensyarah dan pelajar untuk mengikuti perkembangan dan kemampuan pembelajaran teknikal semasa. Pengawasan dan pengurusan akan memastikan semua usaha PdP ini disatukan sehingga dapat mencapai dan merealisasikan budaya pembelajaran teradun di Politeknik METrO Tasek Gelugor.

Fungsi unit e-Pembelajaran

1. Keupayaan tak segerak melalui forum dan perbincangan.
2. Keupayaan teknikal dalam bentuk aplikasi dan perisian yang dapat digunakan oleh pensyarah untuk kursus masing-masing.

01 Bengkel Platform LMS - CIDOS & Aplikasi Big Blue Button (BBB)




Tarikh: 14 Julai 2020
Tempat: *E-Learning*, PMTG
Bilangan peserta: 32
Penceramah:
1. Pn. Azizah binti Siron (Peg. e-Pembelajaran)
2. Pn. Norhayati binti Ismail

Objektif
1. Memberi pendedahan mengenai Platform *LMS – CIDOS* terutama kepada pensyarah baharu.
2. Meningkatkan pengetahuan mengenai Aplikasi *Big Blue Button (BBB)* sebagai medium PdP yang diintegrasikan dengan *LMS CIDOS*.

02 Bengkel Aplikasi Cisco WEBEX dan Microsoft Teams






Tarikh: 17 julai 2020
Tempat: Bilik Seminar, PMTG
Bilangan peserta: 20
Penceramah:
1. Pn. Azizah binti Siron (Peg. e-Pembelajaran)
2. En. Mohamad Azarol Faizal bin Abdul Jalil

Objektif:
1. Memberi pendedahan mengenai Aplikasi *CISCO WEBEX* dan *Microsoft Teams*.
2. Meningkatkan pengetahuan mengenai aplikasi *CISCO WEBEX* dan *Microsoft Teams* sebagai medium PdP dan pembelajaran digital.

Bengkel Orientasi Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT)





Tarikh: 5 Ogos 2020
Tempat: Webinar, PMTG
Bilangan peserta: 20
Penceramah:
1. Pn. Azizah binti Siron (Peg. e-Pembelajaran)
2. Pn. Rasma Suzieyantee binti Ismail

Objektif
1. Memberi pendedahan dan pemahaman kepada pensyarah terutama kepada pensyarah baharu mengenai platform CIDOS LMS.
2. Memberi pendedahan mengenai kaedah mengurus plaform CIDOS LMS.
3. Menyediakan kaedah merekod kehadiran/penglibatan pelajar sepanjang proses PdPDT Sesi Jun 2020 melalui penggunaan CIDOS.

03






04

Tarikh: 7 Ogos 2020
Tempat: Webinar, PMTG
Bilangan peserta: 12
Penceramah:
1. Pn. Azizah binti Siron (Peg. e-Pembelajaran)
2. En. Ku Muhammad Asnawi bin Ku Yahya

Objektif
1. Memberi pendedahan mengenai Aplikasi *Active Presenter*.
2. Meningkatkan pengetahuan mengenai asas suntingan video dengan menggunakan perisian Filmora.

Bengkel Active Presenter: Screen Recorder & Video Editor



Bengkel Kahoot Make Learning Awesome!

Tarikh: 13 Ogos 2020
Tempat: Webinar, PMTG
Bilangan peserta: 11
Penceramah: Pn. Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman

Objektif

1. Memberi pendedahan mengenai Aplikasi *Kahoot*.
2. Memberi pendedahan mengenai Aplikasi *Quiziz*.
3. Meningkatkan kreativiti dan mengaplikasikan *Fun Learning* dalam PdP.

05







06

Lawatan Penanda Aras Unit e-Pembelajaran, ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

Tarikh: 26 Jun 2020
Tempat: Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS)
Bilangan peserta: 5

Objektif

1. Lawatan ini adalah sebagai penanda aras, sesi perkongsian, dan perolehan input-input yang berguna yang boleh dijadikan panduan dan rujukan pengurusan Unit e-Pembelajaran PMTG.
2. Memberi pendedahan mengenai *Live* program: Webinar, Platform *LMS – CIDOS* terutama kepada pensyarah baharu.
3. Meningkatkan pengetahuan mengenai Aplikasi *Big Blue Button* (BBB) sebagai medium PdP yang diintegrasikan dengan *LMS CIDOS*.



UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

CARTA ORGANISASI



PENGENALAN

Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) merupakan unit sokongan di bawah Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). UPPsi berperanan membantu ke arah perkembangan warga Politeknik (kakitangan dan pelajar) yang sejahtera emosi, pemikiran, fizikal, spiritual dan sosial agar dapat berfungsi dengan baik dan dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Politeknik.

AKTIVITI UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

AKTIVITI 1: PROGRAM "UJIAN PSIKOMETRIK DAN KENALI DIRI"

Tarikh: 12 Februari 2020
Lokasi: Perpustakaan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang

Pengenalan

Program ini dijalankan selari dengan kehendak Modul Inspirasi Diri dan perlu dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi. Program ini telah disertai oleh semua pelajar semester 1 program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)(DDT) dan program Diploma Pengajian Video dan Filem (DDV) Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG).

Program ini merangkumi:

i) Sesi proses mengenali diri dan membina matlamat.

ii) Ujian Psikometrik merangkumi:

- Inventori Personaliti Sidek (IPS
- Inventori Personaliti Warna (IPW)
- Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS)

Objektif

Memenuhi Domain Kesedaran Diri yang perlu dilaksanakan untuk pelajar semester 1 serta membantu pelajar mengenali potensi diri masing-masing.












SMILE
BEST







AKTIVITI 2: PROGRAM "SUKAN RAKYAT PERSAHABATAN PRS POLITEKNIK PULAU PINANG"

Tarikh: 17 Februari 2020
Lokasi: Padang Utama, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang

Pengenalan

Program Sukan Rakyat Persahabatan PRS Politeknik Pulau Pinang merupakan program yang melibatkan ahli Pembimbing Rakan Siswa (PRS) di antara Politeknik METrO Tasek Gelugor, Politeknik Seberang Perai, Politeknik Balik Pulau dan juga jemputan kepada Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah. Program ini diadakan bagi mengumpulkan semua ahli PRS bagi membolehkan mereka bertukar-tukar idea dan pendapat serta maklumat berkaitan program PRS di politeknik masing-masing.

Objektif

- Mengeratkan lagi ukhwah di antara ahli PRS Politeknik Zon Utara.
- Berkongsi idea dan pendapat berkaitan program PRS yang boleh dijalankan.
- Program dan aktiviti kecerdasan kepada ahli PRS bagi melatih mereka supaya lebih ceria dan sihat.



AKTIVITI 3: PROGRAM "*ESCAPE*- MENUJU PUNCAK"

Tarikh: 17 Februari 2020

Lokasi: Dewan Besar, Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang

Pengenalan

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu para pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus, mempunyai masalah dari segi kehadiran, mengulang kursus dan juga mempunyai masalah sikap. Selain dapat meningkatkan kemahiran belajar, para pelajar juga diterapkan dengan nilai-nilai murni dan kemahiran insaniah agar lebih kuat menghadapi cabaran dan rintangan sepanjang pengajian mereka.

Objektif

- Mendekati pelajar yang gagal kursus dan bermasalah untuk mendapatkan maklumat dan mendengar masalah mereka dengan lebih dekat.
- Memberi persediaan kepada pelajar tentang kemahiran belajar secara tepat seperti menetapkan matlamat, pengurusan masa, membaca, mencatat dan teknik menjawab soalan untuk persediaan menghadapi peperiksaan.
- Mendedahkan kepada pelajar mengenai pengetahuan tekanan diri (stress) yang berkesan melalui pengurusan emosi dan kawalan kemarahan.
- Program dijalankan melalui perjumpaan bersama pelajar bermasalah, ceramah, taklimat dan latihan dalam kumpulan.








AKTIVITI 4: PROGRAM "*ONE STEP UP*" – PERSEDIAAN PELAJAR UNTUK KE LATIHAN INDUSTRI DAN *WBL*

Tarikh: 20 Februari 2020
Lokasi: Dewan Sri Mutiara, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang

Pengenalan

Program kerjasama anjuran Unit Pengurusan Psikologi antara Politeknik Pulau Pinang iaitu Politeknik METrO Tasek Gelugor, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Balik Pulau ini dilaksanakan bagi tujuan persediaan pelajar bagi program DDT yang akan menghadiri Latihan Industri (LI) dan juga pelajar bagi program DDV yang akan menghadiri *Work Based Learning (WBL)*. Program ini telah disertai oleh semua pelajar semester 5 DDT dan pelajar semester 3 DDV. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan disiplin dan kesediaan mereka di industri nanti.









AKTIVITI 5: PROGRAM "KEM PEMANTAPAN AHLI PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) –SIRI 2"

Tarikh: 29 Februari 2020 hingga 01 Mac 2020
Lokasi: Kem Bendang Man, Sik, Kedah

Pengenalan

Program ini dijalankan bagi melatih ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa untuk menjadi pembimbing yang dapat menguasai kemahiran membantu yang dapat membantu rakan pelajar yang memerlukan pertolongan dari segi emosi, minda dan fizikal, di samping melatih mereka membantu diri sendiri.

Program ini mampu memberikan kesan positif dari segi emosi, minda dan fizikal dalam diri pelajar di samping dapat melahirkan pembimbing yang berkemahiran membantu dan membimbing rakan.

Objektif

- Melatih pelajar untuk menjadi pembimbing yang berkemahiran membantu dan membimbing rakan yang mempunyai masalah.
- Memberi ilmu pengetahuan tentang kemahiran asas membantu dan membimbing rakan dengan prosedur yang betul.
- Melahirkan pelajar yang kuat dan tabah dari segi emosi, minda dan fizikal.










POLYTECHNIC VOLUNTEER

AKTIVITI 6: PROGRAM "JAUH DIMATA DEKAT DIHATI"

Tarikh: 10 hingga 14 Ogos 2020
Lokasi: Secara dalam talian (PRS Instagram live)

Pengenalan

Berikutan pandemik Covid-19 yang telah melanda negara, kaedah pembelajaran di Politeknik juga telah melalui perubahan iaitu daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Program bual bicara anjuran kelab PRS yang dijalankan secara dalam talian ini, bertujuan untuk mendekati para pelajar PMTG, berkongsi masalah dan mendapatkan maklumat terkini disamping untuk menyampaikan tips pembelajaran secara dalam talian kepada semua pelajar. Program ini juga diadakan bagi memastikan agar pelajar baru dan pelajar lama terus kekal bersemangat dalam pembelajaran mereka walaupun secara dalam talian.

Objektif

- Mempromosikan Kelab PRS PMTG kepada masyarakat luar serta kepada pelajar baharu PMTG.
- Memberikan semangat kepada pelajar baharu serta warga PMTG dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19.
- Membantu menyakinkan warga kelab PRS untuk berani dan tidak malu untuk berada di khalayak ramai.
















Antara siaran langsung perkongsian di sosial media PRS PMTG diantara pegawai psikologi dan pelajar.

AKTIVITI 7: PROGRAM "JAUH DIMATA DEKAT DIHATI- PRS SEMARAKKAN MERDEKA 2020"

Tarikh: 27 Ogos 2020 hingga 15 September 2020
Lokasi: Secara dalam talian (*Instagram* PRS PMTG dan *Facebook* PRS PMTG)

Pengenalan

Program anjuran kelab Pembimbing Rakan Siswa ini adalah untuk menyemarakkan semangat kemerdekaan kepada pelajar yang sedang mengharungi situasi pandemik Covid-19. Bagi memenuhi masa pelajar yang berada dirumah, beberapa aktiviti telah dilaksanakan, antaranya adalah pertandingan deklamasi sajak, pertandingan semangat kemerdekaan dengan bergambar dengan berpakaian tradisional dan bendera Malaysia. Peserta telah memuat naik video dan gambar di platform yang disediakan untuk pengadilan.



Poster Semarak Merdeka PRS



Senarai Pemenenang Kategori Pakaian Tradisional











Pemenenang Kategori Video Sajak






Pemenenang Kategori Mencipta Lagu Kemerdekaan


AKTIVITI 8: PROGRAM "*KNOWLEDGE SHARING* – ALUMNI PRS BERJAYA"

Tarikh: 21 hingga 22 Oktober 2020
Lokasi: Secara dalam talian (PRS *Instagram live*)

Pengenalan

Program ini merupakan sebuah program yang dilaksanakan secara dalam talian mengunakan platform "*Instagram*" secara *live* bagi menghubungkan antara pelajar yang sedang berada dikampus dan pelajar yang melalui pembelajaran secara dalam talian dari rumah. Bukan itu sahaja, program ini bertujuan untuk membantu pelajar menyedari tentang isu semasa serta bersiap sedia untuk menghadapinya. Pelajar juga mendapat beberapa informasi serta kunci kejayaan yang boleh membantu mereka dalam pembelajaran. Program ini mampu memberikan kesan positif dari segi emosi dan minda dalam diri setiap ahli PRS, di samping dapat melahirkan pelajar yang cemerlang. Kelab PRS telah menjemput 2 orang alumni PMTG dan juga ahli PRS yang telah berjaya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi untuk berkongsi pengalaman serta tips belajar daripada mereka.










AKTIVITI 9: PROGRAM "TAKLIMAT HALATUJU SELEPAS DIPLOMA PELAJAR DDT DAN DDV"

Tarikh: 04 November 2020
Lokasi: Secara dalam talian (Platform Webex)

Pengenalan

Taklimat kepada semua pelajar semester akhir program DDT dan DDV ini adalah kerjasama di antara Unit Pengurusan Psikologi PMTG dan juga Universiti Multimedia, Malaysia (MMU). Taklimat ini memfokuskan kepada bidang pengajian yang ditawarkan, skim biasiswa dan pinjaman pendidikan yang ditawarkan serta maklumat berkaitan peluang pekerjaan selepas tamat belajar. Perkongsian kaedah belajar di universiti telah disampaikan oleh pensyarah MMU yang diundang khas bagi program ini. Pelajar amat berminat dan bersedia untuk menyambung pengajian mereka selepas tamat belajar di Politeknik.





Sesi perkongsian secara dalam talian oleh MMU

AKTIVITI 10: PROGRAM MOTIVASI DAN *TEAMBULDING* STAF PMTG 2020 – *SELF INVESTMENT TOWARDS EXCELLENCE TEAM CULTURE*

Tarikh: 03 Oktober 2020
Lokasi: Seri Ternas Lake Resort, Sik Kedah

Pengenalan

Program Motivasi dan Teambuilding ini adalah bertemakan "*Self-Investment Towards Excellence Team Culture*" bertujuan untuk mewujudkan sebuah kesepakatan yang utuh bagi setiap ahli dalam sesebuah organisasi dan bertujuan untuk mewujudkan rasa kepunyaan (*self-belonging*) terhadap organisasi. Program *Teambuilding* ini perlu dilaksanakan bagi menjayakan aktiviti kerja berpasukan yang mampu meningkatkan kualiti sesebuah organisasi / syarikat. Ianya juga memenuhi keperluan audit EOMS dimana program peningkatan kemahiran, kerja berpasukan dan penghargaan kepada kakitangan perlu dilaksanakan.

Objektif

- Memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berpanjangan di antara ahli dalam sesebuah organisasi.
- Memberi peluang kepada ahli dalam organisasi bebas memberikan pandangan dan bersuara dalam memberikan pandangan dalam sesebuah aktiviti.
- Memperkukuhkan hubungan di antara ahli dalam sesebuah organisasi terutama dalam mendapatkan kerjasama.
- Membina motivasi diri dan sikap *self-belonging* untuk sayang dan cintakan PMTG.








Program Motivasi dan Teambuilding-PMTG 2020
"Self Investment Towards
Excellence Team Culture"
POLITEKNIK
FRONTLINER



UNIT PENGANTARABANGSAAN

PENGENALAN

Unit Pengantarabangsaan PMTG ditubuhkan bagi memenuhi Teras ke - 8 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu keunggulan global dengan peningkatan penglibatan staf akademik dalam aktiviti peringkat antarabangsa. Unit ini menjalankan fungsi berdasarkan kepada Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia berkuatkuasa pada 15 Mei 2014. Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia menggariskan beberapa strategi pelaksanaan dan digunapakai oleh pegawai, pensyarah dan politeknik bagi mewujudkan keseragaman dalam pengendalian segala urusan yang berkaitan aktiviti dan program antarabangsa yang dijalankan oleh jabatan dan institusi.

FUNGSI

- Mengurus, merancang, menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan aktiviti pengantarabangsaan yang melibatkan staf dan pelajar
- Merancang peluang kerjasama antara PMTG dan institusi luar negara.
- Membantu menyelaras penyertaan pengantarabangsaan pensyarah dan pelajar PMTG.
- Menyelaras kunjungan hormat / lawatan delegasi luar negara ke PMTG.
- Mengurus dan menyebarkan maklumat mengenai aktiviti antarabangsa dari semasa ke semasa.
- Memenuhi KPI pengantarabangsaan PMTG.
- Memastikan sebarang aktiviti pengantarabangsaan dilaksanakan mengikut prosedur prosedur yang telah ditetapkan.
- Menguruskan pelaksanaan program yang melibatkan pelajar antarabangsa.

VISI

Meningkatkan penglibatan pensyarah dan pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor dalam aktiviti pengantarabangsaan dalam usaha memenuhi keunggulan global.

MISI

Mewujudkan peluang kerjasama antarabangsa di antara PMTG dan Institusi luar negara.

OBJEKTIF

1. Mewujudkan kerjasama antarabangsa
2. Mewujudkan persekitaran pembelajaran tanpa sempadan
3. Mendapatkan Pengiktirafan Antarabangsa
4. Meningkatkan jaringan dan kerjasama antara PMTG dan institusi antarabangsa
5. Mewujudkan peluang perkongsian ilmu bagi pelajar dan pensyarah PMTG yang membolehkan mereka menimba ilmu serta kemahiran dari luar negara.

CARTA ORGANISASI



Program

1. *International Sharing Session*
Online Classes Across the Globe: Strategies in Teaching EFL Through the Pandemic

Tarikh: 3 JULAI 2020

Latar belakang program:

Webinar Antarabangsa ini dianjurkan oleh Politeknik Elektronika Negeri Surabaya (PENS). Tiga orang Pensyarah Politeknik METrO Tasek Gelugor, Puan Puspa a/p Perumal mewakili Malaysia sebagai salah seorang *panelist*.



Webinar ini membincangkan mengenai isu serta cabaran yang dihadapi dalam mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing sewaktu pandemik. Pelbagai kaedah serta sumber bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang boleh membantu pengajaran secara dalam talian telah dibincangkan dengan harapan agar perkongsian ilmu dari tiga negara ini dapat memberi idea serta membantu peserta webinar menghadapi cabaran dalam PdP secara dalam talian.

2. *International Webinar Technology in Everyday Life*

Tarikh: 17 Oktober 2020


Latar belakang program:


Program ini merupakan Webinar peringkat antarabangsa yang julung kali dianjurkan oleh Unit Pengantarabangsaan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), Pulau Pinang. Program ini merupakan aktiviti kolaborasi di antara PMTG dan Politeknik Elektronika Negeri Surabaya,

Webinar ini juga merupakan pentas bagi pelajar PMTG untuk menyerlahkan kemahiran berkomunikasi mereka di peringkat antrabangsa. Penceramah serta pasukan teknikal webinar terdiri daripada pelajar *International Buddies* PMTG dan juga pelajar antarabangsa.









3. *International Webinar Future Trends of Media and Technology*

Tarikh: 7 November 2020


Latar belakang program:

Webinar ini dianjurkan oleh Unit Pengantarabangsaan, Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), Pulau Pinang dan merupakan aktiviti kolaborasi di antara PMTG dan Sekolah Tinggi Informatika & Komputer (STIKI), Malang, Indonesia.



Webinar antarabangsa ini disertai oleh lebih kurang 180 orang peserta peringkat antarabangsa. *Moderator* serta penceramah program terdiri daripada pelajar PMTG dan STIKI. Webinar ini telah memberi peluang kepada pelajar PMTG untuk bekerjasama dan berkongsi ilmu dengan pelajar STIKI.





Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada peserta mengenai masa depan bidang Teknologi dan Multimedia bagi membolehkan peserta webinar untuk memahami halatuju bidang Teknologi dan Multimedia di masa hadapan. Webinar ini juga dapat membantu peserta untuk merancang kajian yang bakal dijalankan bagi memenuhi pembaharuan dalam bidang Teknologi dan Multimedia.

4. *International Sharing Session Technology Advancement for Future Provisions*

Tarikh: 21 November 2020

Latar belakang program:

Webinar antarabangsa ini dianjurkan oleh Politeknik Elektronika Negeri Surabaya dan Unit Pengantarabangsaan Politeknik METrO Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Lima (5) orang pelajar dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Taiwan dan Jepun dicalonkan untuk memberi ceramah dalam webinar ini.

Unit Pengantarabangsaan Politeknik METrO Tasek Gelugor telah mencalonkan pelajar PMTG iaitu Nurul Elya Syazana (Program DDT) sebagai salah seorang penceramah bagi webinar ini dan beliau telah dibimbing oleh Ketua Unit Pengantarabangsaan Puan Puspa Perumal dengan jayanya.

Webinar ini telah memberi peluang kepada pelajar PMTG untuk menceburkan diri dalam aktiviti di persada antarabangsa dalam usaha melahirkan pelajar yang dapat berdaya saing di peringkat global.

Adalah diharapkan agar semua program yang dirancang dan dijayakan oleh Unit Pengantarabangsaan PMTG pada tahun 2020 dapa membantu meningkatkan daya saing pelajar serta pensyarah PMTG di peringkat antarabangsa.





UNIT KECEMERLANGAN PELAJAR

SINOPSIS UNIT KECEMERLANGAN PELAJAR

Unit Kecemerlangan Pelajar PMTG ditubuhkan pada bulan Mei 2019 bagi membolehkan perolehan data kecemerlangan diperolehi dan dianalisis dengan lebih terperinci dalam memantapkan Politeknik METrO Tasek Gelugor sebagai institusi yang menghasilkan pelajar yang cemerlang dari pelbagai aspek dan sahsiah diri. Unit ini telah dianggotai oleh lapan (8) orang pensyarah.

FUNGSI UNIT KECEMERLANGAN PELAJAR

1- Merancang aktiviti-aktiviti Kecemerlangan Pelajar (KPel) setiap tahun bagi menepati:

- Lonjakan 1: Graduan Holistik (L1)
- Lonjakan 4: Graduan Berkualiti (L4)
- Lonjakan 8: Keunggulan Global (L8)
- Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat (L2)
- Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi (L7)
- Lonjakan 10: Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi (L10)

2- Merancang dan membuat permohonan bajet tahunan bagi aktiviti-aktiviti Kecemerlangan Pelajar.

3- Menyimpan laporan maklumat pelaksanaan dan pencapaian Kecemerlangan Pelajar setiap tahun.

4- Menyediakan koleksi gambar Kecemerlangan Pelajar untuk dipaparkan di laman web PMTG.

CARTA ORGANISASI



STATISTIK UNIT KECEMERLANGAN PELAJAR TAHUN 2020

STATISTIK PENGHANTARAN KERTAS KERJA & LAPORAN

PERKARA/SESI	Jan - Mei	Jun - November
Kertas Kerja	4	16
Laporan	4	16
Jumlah	8	32

Penghantaran kertas kerja dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah. Manakala untuk laporan, unit/kelab harus menghantar laporan lengkap setelah 5 hari (waktu bekerja) program dilaksanakan.

STATISTIK PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PROGRAM SECARA DALAM ATAU LUAR NEGARA (KECEMERLANGAN)

BIL	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	International Invention & Innovative Competition INIIC series 1/2020	Gold Medal (International) 3 pelajar JTMK 1 pelajar JRKV

Secara keseluruhannya tanggungjawab yang merangkumi proses perancangan aktiviti, permohonan bajet tahunan dan kertas kerja serta laporan aktiviti pelajar dapat dilaksanakan dalam tempoh yang diperlukan. Pelaksanaan bajet kewangan juga telah berjaya diuruskan dengan baik. Penambahbaikan sentiasa dijalankan bagi menghasilkan kertas kerja dan laporan yang standard.

AKTIVITI UNIT KECEMERLANGAN PELAJAR 2020

BENGKEL *ANDROID APPS DEVELOPMENT FOR BEGINNER*

Tarikh : 19 September 2020
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Lokasi : Bilik Tutorial 1 & Bilik Tutorial 2, Politeknik METrO Tasek Gelugor.

Penerangan program:

Pada 19 September, satu bengkel telah diadakan bertempat di Bilik Tutorial 1 & Bilik Tutorial 2, Politeknik METrO Tasek Gelugor. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal pelajar dalam pengaturcaraan serta pembangunan antara muka aplikasi android, Mewujudkan projek yang berkaitan Android Apps serta mewujudkan persefahaman antara kumpulan. Tenaga pengajar adalah En Sundersen A/l Lekshmikanth. Program dimulakan pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang. Perjalanan program berjalan dengan lancar pada hari tersebut. Pelaksanaan program ini akan dapat melahirkan pelajar yang cemerlang serta berdaya saing dari segi teknologi mobil serta penggunaan sistem berasaskan pengaturcaraan.



BENGKEL *ANDROID APPS DEVELOPMENT FOR BEGINNER*















PHP & BASIC ARDUINO WORKSHOP










PHP & BASIC ARDUINO WORKSHOP

Tarikh : 5, 6 & 12 September 2020
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Lokasi : Bilik Seminar, Politeknik METrO Tasek Gelugor

Penerangan program:


Penerangan program: Pada 5, 6 & 12 September, satu bengkel secara bersemuka diadakan dengan mengikut SOP ditetapkan di Bilik Seminar PMTG. Penglibatan pelajar adalah seramai 20 orang. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal pelajar dalam pengaturcaraan PHP, mewujudkan projek yang berkaitan IOT dalam kalangan pelajar menggunakan Arduino serta mewujudkan persefahaman antara kumpulan. Tenaga pengajar adalah En Shahrul Hussain bin Shahul Hamid dari SOPHIX AUTOMATION SDN BHD. Program dimulakan pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang. Perjalanan program berjalan dengan lancar pada hari tersebut. Pelaksanaan program ini melahirkan pelajar yang cemerlang serta berdaya saing dari segi teknologi IOT serta penggunaan sistem berasaskan pengaturcaraan PHP.





UNIT KEUSAHAWANAN

CARTA ORGANISASI



PENGENALAN

Unit Keusahawanan Politeknik METrO Tasek Gelugor ini ditubuhkan bagi mencapai visi dan misi yang telah dirangka dengan jelas selaras dengan keperluan dasar pembangunan keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi dan berpandukan Pelan Strategi Keusahawanan Politeknik Malaysia.

VISI & MISI

VISI	Melahirkan graduan usahawan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berketerampilan tinggi serta berakhlak mulia.	**MISI**	Menerapkan pemikiran keusahawanan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi Politeknik METrO Tasek Gelugor.

OBJEKTIF

Membentuk budaya dan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar PMTG khususnya sebagai kerjaya pilihan pada masa hadapan.	Mencetus minat dan kesedaran pelajar PMTG kepada aspek yang berkaitan dengan bidang pengurusan keusahawanan dan kewangan.	Memupuk nilai-nilai keusahawanan yang tulen seperti belajar untuk mengambil risiko, memupuk minda keusahawanan, kemahiran dan kecekapan membuat keputusan serta dapat mengembangkan jaringan rangkaian usahasama.

FUNGSI

Menyediakan dan menyelaras Program Pendedahan, Pembudayaan, Pembangunan & seterusnya Pengukuhan Keusahawanan.	Menjadi Pusat Rujukan dan saluran informasi keusahawanan kepada warga politeknik.
Menjadi pusat untuk mewujudkan jaringan (networking) antara industri dan usahawan PMTG.	Melahirkan bilangan usahawan dalam kalangan graduat politeknik melalui pendaftaran perniagaan dan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan.

LAPORAN PENCAPAIAN KPI UNIT KEUSAHAWANAN 2020

LAMPIRAN E1

PELAPORAN PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI KEUSAHAWANAN IPT BAGI TAHUN 2020
MAKLUMAT GRADUAN IPT MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN SELEPAS MENAMATKAN PENGAJIAN
BAGI TAHUN 2020

BIL	NAMA PELAJAR	NO. KAD PENGENALAN	JANTINA	STATUS BUMIPUTERA	BIDANG PENGAJIAN	NAMA PERNIAGAAN	PRODUK/ PERKHIDMATAN UTAMA	NO DAFTAR SSM/ IPT	MILIKAN PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN	PUNCA MODAL *Lain-lain (Geran/pinjaman/tian tuan IPT/agensi/crowd funding, etc)	LOKASI PERNIAGAAN	TARIKH MULA PERNIAGAAN
1	MUHAMMAD AMIRUL BIN MOHD YUSOFF	980707105831	Lelaki	Bumiputera	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	Agen bebas	Makanan	PMTG-UK-DIS16F1039	Perkongsian	Makanan & Minuman	Simpanan Sendiri	Klang	1/5/2020
2	MOHD SYAHMI AIMAN BIN YAKOB	981102027273	Lelaki	Bumiputera	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	W.Bake	Kek choc moist	PMTG-UK-DIS16F1038	Milikan Tunggal	Makanan & Minuman	Simpanan Sendiri	ONLINE	1/4/2020
3	KAUSALYAA SUBRAMANIAM	980307145674	Perempuan	Bukan Bumiputera	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	The Healing houz	Hair and Beauty Care Products	PMTG-UK-DIS16F1032	Perkongsian	Kesihatan & Kecantikan	Simpanan Sendiri	Shah Alam, Selangor	1/6/2020
4	NURUL AINA BT BAHARUDEN	980420035602	Perempuan	Bumiputera	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	STOKIS DEMICA	DEMICA WHITENING LOTION	PMTG-UK-DIS16F1021	Milikan Tunggal	Kesihatan & Kecantikan	Simpanan Sendiri	ONLINE	4/2/2020
5	ANIS AMIERA BINTI NAZRI	980923075286	Perempuan	Bumiputera	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	Agent bebas	Kecantikkan Wanita	PMTG-UK-DIS16F1042	Milikan Tunggal	Fesyen & Aksesori	Simpanan Sendiri	ONLINE	1/8/2020
6	MUHAMMAD ISLAH AFIQ BIN MOHD ZUBIR	010920020493	Lelaki	Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	Graphic Design	mereka logo,canvas,iklan,dll	PMTG-UK-DDV19F1047	Milikan Tunggal	Perkhidmatan	Simpanan Sendiri	ONLINE	2/1/2022
7	MUHAMMAD SHAFIQ BIN ABDULLAH	991125086697	Lelaki	Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	basic online shopping	produk kesihatan	PMTG-UK-DDV17F2019	Perkongsian	Lain-lain	Perkongsian	greentown4, greentown business centre, 30450	2/7/2020
8	IQMAL HAIKAL B MOHAMAD BAKRI	991228035649	Lelaki	Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	Cam Station	Videographer, photographer	PMTG-UK-DDV17F1027	Perkongsian	Perkhidmatan	Perkongsian	ONLINE	12/20/2019
9	MUHAMMAD ALIF IMAN BIN FUAD ADY SANY	990113086433	Lelaki	Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	LEQUF PRINT	PRINTING	PMTG-UK-DDV17F1019	Milikan Tunggal	Lain-lain	Simpanan Sendiri	SAUJANA PUCHONG, PUCHONG	3/2/2019
10	MANIMARAN MUNUSAMY	980116075319	Lelaki	Bukan Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	Hashtakerz studio	Filem technical crew , editing and art direction	SA0519576-K	Perkongsian	Lain-lain	Perkongsian	22/1 Sierra , 16 Sierra ,seri kembangan	10/5/2018
11	SYED MUHAMMAD HAKIM BIN SYED OTHMAN	950318105339	Lelaki	Bumiputera	Diploma Pengajian Video dan Filem	Mat's Coffee	Minuman	PMTG-UK-DDV15F2005	Perkongsian	Makanan & Minuman	Simpanan Sendiri	Taman Rakyat Klang	10/6/2020

NORAINI BINTI RAMLI
Ketua Unit Keusahawanan
Politeknik METrO Tasek Gelugor
Pulau Pinang

MOHAMAD TARMIZY BIN AHMAD
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik METrO Tasek Gelugor
Pulau Pinang

PERSIST 2020

KPI 4: Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian

- Graduan yang menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 6 hingga 12 bulan selepas menamatkan pengajian.
- Maklumat diperolehi daripada laporan Tracer Study. Pusat Keusahawanan PMTG juga menyediakan borang maklum balas secara atas talian yang diedarkan melalui penasihat akademik.
- Tercapai – 11 org (8.33%)
  8% x 132 org

Berdasarkan Jadual Laporan Lampiran E1 Pencapaian KPI Keusahawanan IPT bagi tahun 2020 merekodkan pencapaian KPI yang yang dirancang. Sebanyak 11 orang Alumni PMTG yang sedang mengusahakan perniagaan yang melengkapi sasaran 8% daripada jumlah keseluruhan Alumni bagi graduan tahun 2020.

CEDev
Centre of Entrepreneurship Development
MALAYSIA POLYTECHNIC & COMMUNITI COLLEGE

KPI 1

Pelajar yang mendapat pendedahan dan pembudayaan keusahawanan semasa di dalam pengajian. Aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum yang berstruktur. (Pengiraan adalah secara kumulatif)

KPI 2

Graduan yang menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 6 hingga 12 bulan selepas menamatkan pengajian (Sumber maklumat: Pusat Keusahawanan atau Tracer Study atau Alumni IPT)

KPI 3

Pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian sama ada di dalam atau di luar kampus atau secara atas talian sekurang-kurangnya 3 bulan atau 1 semester

KPI 4

Tenaga pengajar dalaman yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan dan membantu industri/ PKS/ komuniti atau menjadi penasihat/ mentor atau projek keusahawanan pelajar

KPI 1

CEDev
Centre of Entrepreneurship Development
MALAYSIA POLYTECHNIC & COMMUNITI COLLEGE

STATUS PENCAPAIAN KPI

UNIT KEUSAHAWANAN /2020

	Bil	POLITEKNIK	ENROLMEN hingga OKT 2020	KPI 1 (PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN) 100%					
				PENCAPAIAN	%	STATUS		JANTINA	
						BUMI	NBUMI	L	P
35	29	PMJB	447		0.00				
36	30	PMKu	428		0.00				
		PMTG	205	205	100.00	262	112	155	219
38	32	PMBS	286	227	79.37	211	16	85	142
39	33	PTSN	1367	1367	100.00	1172	195	680	687
40	34	PBT	103	60	58.25	60	0	34	27

TERCAPAI

KPI 2 STATUS PENCAPAIAN KPI

UNIT KEUSAHAWANAN /2020

Bil	POLITEKNIK	KPI 2 (GRADUAN USAHAWAN) 8%							
		GRADUAN	8%	PENCAPAIAN	%	STATUS		JANTINA	
						BUMI	NBUMI	L	P
29	PMJB	198	16		0.00				
30	PMKu	151	12	12	7.95				
	PMTG	132	11	11	8.33	9	2	8	3
32	PMBS	93	7	11	11.83	10	1	2	9
33	PTSN	214	17	13	6.07	13	0	7	6
34	PBT	17	1	2	11.76	2	0	1	1

TERCAPAI

KPI 3 STATUS PENCAPAIAN KPI

UNIT KEUSAHAWANAN /2020

Bil	POLITEKNIK	KPI 3 (PELAJAR BERNIAGA DALAM PENGAJIAN) 15%						
		15%	PENCAPAIAN	%	STATUS		JANTINA	
					BUMI	NBUMI	L	P
29	PMJB	67	68	15	63	5	5	63
30	PMKu	64		0				
1	PMTG	31	53	26	52	1	32	21
32	PMBS	43	48	17	45	3	10	38
33	PTSN	205	131	10	125	6	36	23
34	PBT	15	33	32	33	0	21	12

TERCAPAI

KPI 4 STATUS PENCAPAIAN KPI

UNIT KEUSAHAWANAN /2020

Bil	POLITEKNIK	KPI 4 (PENSYARAH PAKAR)				
		PENCAPAIAN	JANTINA		STATUS	
			L	P	B	NB
29	PMJB	7	2	5	6	1
30	PMKu	2	1	1	2	0
31	PMTG	1	1	0	1	0
32	PMBS	4	1	3	4	0
33	PTSN	1	0	0	0	0
34	PBT	2	1	1	2	0

TERCAPAI

AKTIVITI USHA SEPANJANG TAHUN 2020

Aktiviti 1

Tajuk : Bengkel Rancangan Perniagaan, Pengurusan Kewangan & Pendaftaran Perniagaan
Tarikh : 2 Mac 2020
Hari : Isnin
Lokasi : Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pengenalan Program :

1. Memberi pendedahan kepada pelajar dalam membangunkan perniagaan sendiri dengan perancangan perniagaan dan kewangan.
2. Pelajar yang menjalankan perniagaan mendaftar perniagaan

Kandungan Program :

1. Taklimat Penulisan Rancangan Perniagaan & pengurusan kewangan yang disampaikan oleh En. Rohaimi bin Hamel, Pegawai Bank Rakyat.
2. Taklimat Pendaftaran Perniagaan kepada 55 orang pelajar
3. Pelajar Mendaftar Perniagaan







Aktiviti 2

Tajuk : Taklimat Pembiayaan & Perniagaan Berasaskan Digital SME Bank (Cedar) & Skim Pembiayaan Tekun Nasional
Tarikh : 6 Mac 2020
Hari : Jumaat
Lokasi : Politeknik Ungku Omar

Pengenalan Program :

Memberi pendedahan kepada pelajar usahawan di semester akhir khususnya tentang peluang pembiayaan yang disediakan oleh SME Bank & Tekun Nasional.

Kandungan Program :

1. *ScoreXcess*: portal sehenti untuk Usahawan PKS mendapatkan Pembiayaan Kecil & Micro
2. *Odela: Platform B2B* yang menggalakkan perniagaan untuk merangsang penggunaan digital, keusahawanan digital sambil memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan kapasiti perniagaan.
3. Seramai 7 orang pelajar PMTG menyertai taklimat yang diberi.

Aktiviti 3

Tajuk : *Business Opportunity Through Social Competition (BOSMeC) MCO 2020*
Tarikh : 9 Jun 2020
Hari : Selasa
Lokasi : *Online (Facebook BOSMeC 2020)* | Https://Www.youtube.com/Watch?V=Jgk54szdcqo

Pengenalan Program :

Program *Business Opportunity Through Social Competition (BOSMeC) MCO 2020* merupakan satu pertandingan yang bertujuan untuk membantu mengetengahkan produk usahawan pelajar & komuniti setempat, menggunakan medium pemasaran secara dalam talian. Di samping menggalakkan anak muda menceburkan diri dalam keusahawanan, semua peserta boleh menggunakan pelbagai strategi, kaedah, platform jualan secara dalam talian.

Matlamat jangka panjang *BOSMeC* ialah "kami mahu pelajar kekal menjadi usahawan secara berterusan, sebagai permulaan, kami percaya mentor memainkan peranan dalam membimbing pelajar untuk mula bertapak dan bertahan dalam dunia perniagaan secara dalam talian".

Politeknik METrO turut menghantar penyertaan dan telah berjaya menduduki Tempat Ketiga *Media Creation Award* Kategori B menerusi penyertaan Muhammad Asyraf bin Mohamad Yusof.

Kandungan Program :

ScoreXcess: portal sehenti untuk Usahawan PKS mendapatkan Pembiayaan Kecil & *Micro Odela: Platform B2B* yang menggalakkan perniagaan untuk merangsang penggunaan digital, keusahawanan digital sambil memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan kapasiti perniagaan.
Seramai 7 orang pelajar PMTG menyertai taklimat yang diberi.



Pelajar yang berjaya menduduki Tempat Ketiga *Media Creation Award* Kategori B menerusi penyertaan Muhammad Asyraf bin Mohamad Yusof



Majlis penyampaian hadiah kepada pelajar Tempat Ketiga *Media Creation Award* Kategori B menerusi penyertaan Muhammad Asyraf bin Mohamad Yusof

Aktiviti 4

Tajuk : Lawatan Penanda Aras Unit Keusahawanan PMTG
Tarikh : 22 Julai 2020
Hari : Rabu
Lokasi : Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah

Pengenalan Program :

Lawatan penanda aras ini dianjurkan bagi memberi pendedahan, pengalaman dan pengetahuan kepada ahli jawatankuasa Unit Keusahawanan PMTG dalam usaha mengurus perihal keusahawanan di PMTG. Bersesuaian dengan usaha Jabatan untuk menggalakan program pengukuhan kompetensi pengajaran dan bimbingan keusahawanan.



Kandungan Program :

Objektif program ini adalah untuk:

1. Menambahbaik pengetahuan AJK Unit Keusahawanan PMTG dalam proses mentadbir urus program keusahawanan di PMTG.
2. Berkongsi Ilmu dan pengalaman amalan terbaik di KKPS yang boleh diaplikasikan di PMTG.
3. Membentuk semangat usahawan berpasukan di antara PMTG dan KKSP serta Jabatan berkaitan.





Perbincangan bersama ahli Unit Keusahawanan dan Dr. Reezlin bin Abd Rahman (Ketua Unit Keusahawanan)

Aktiviti 5

Tajuk : Bengkel *The Apprentice* @ Siswa Niaga *Popcorn*
Tarikh : 4 Hingga 5 September 2020
Hari : Jumaat hingga Sabtu
Lokasi : Syarikat Mat Rezeki, Kuala Kangsar, Perak



Pengenalan Program :

Melibatkan 6 pelajar DDV, Politeknik METrO Tasek Gelugor.

Kandungan Program :

Sesi bual bicara peserta bengkel bersama Pengarah Urusan Mat Rezeki menerusi persetujuan kolaborasi produk *Popcorn* Panggung kepada *Popcorn* POLIMETrO untuk Unit Keusahawanan PMTG



Barisan pelajar dan pensyarah pembimbing bagi sesi bual bicara bersama En. Muhamad selaku pemilik Syarikat Usahasama bagi pembentukan Produk PMTG.



Pelajar Rintis daripada semester DDV3 sesi Jun 2020 bersama logo Produk *Popcorn* POLIMETrO.



Sesi bual bicara peserta bengkel bersama Pengarah Urusan Mat Rezeki menerusi persetujuan kolaborasi produk *Popcorn* Panggung kepada *Popcorn* POLIMETrO untuk Unit Keusahawanan PMTG

Aktiviti 6

Tajuk : Pelancaran Produk PMTG *Popcorn* Polimetro *Enterprise* Perisa *Premium Caramel*
Tarikh : 9 September 2020
Hari : Rabu
Lokasi : Ruang Bitara, PMTG



Pengenalan Program :

Lawatan penanda aras ini dianjurkan bagi memberi pendedahan, pengalaman dan pengetahuan kepada ahli jawatankuasa Unit Keusahawanan PMTG dalam usaha mengurus perihal keusahawanan di PMTG. Bersesuaian dengan usaha Jabatan untuk menggalakan program pengukuhan kompetensi pengajaran dan bimbingan keusahawanan.

Kandungan Program :

Aktiviti: penyediaan produk jenama PMTG
Sasaran: Pelajar PMTG, kelab keusahawanan, alumni pmtg dan komuniti setempat
Konsep: Bimbingan Unit Keusahawanan PMTG dan usahasama Syarikat Mat Rezeki
Perlaksanaan: 20 pelajar & 1 penyelia (6 pelajar rintis dan 14 pelajar pelapis)





Pengarah PMTG dan Timbalan Pengarah merasmikan Majlis perasmian







Suasana persekitaran gerai jualan produk bersama maskot Popcorn POLIMETrO







Turut dilancarkan adalah pelantar jualan secara atas talian iaitu Facebook, Instagram, Shopee dan Whatsapp Business

Aktiviti 7

Tajuk : Bengkel *Business Computer Repair and Printing* Inkubator It
Tarikh : 23 September 2020
Hari : Rabu
Lokasi : Bilik Seminar, PMTG

Pengenalan Program :

Peserta adalah semua pelajar sem 1, 5 org sem 5 dan 2 org pelajar praktikal.

Kandungan Program :

Peserta yang menyertai bengkel ini telah menjalani sesi latihan penyelenggaraan komputer sebagai persediaan pelancaran operasi perkhidmatan percetakan oleh Inkubator IT PMTG.







Peserta sedang mmengikuti sesi bengkel

Aktiviti 8

Tajuk : Majlis Apresiasi Industri & Mesyuarat Penasihat Industri 2020 (Majlis Tandatangan Bersama Syarikat Mat Rezeki)
Tarikh : 23 September 2020
Hari : Rabu
Lokasi : Kinrara Resort, Puchong, Selangor

Pengenalan Program :

Majlis yang mengumpulkan wakil Industri yang berkolaborasi bersama PMTG. Di antaranya adalah daripada Wakil Syarikat Mat Rezeki selaku pemilik *Popcorn* Panggung.

Kandungan Program :

Majlis menandatangani kolaborasi bersama Syarikat Mat Rezeki dan PMTG



En Muhamad Bin Ramli bersama Ketua Unit Keusahawanan setelah selesai majlis tandatangan Industri.









Penyediaan Pek Cenderahati kepada tetamu dikalangan wakil industri jemputan dan VIP.

Aktiviti 9

Tajuk : *Social Enterprise @Community (Se@C)* "Sebilah Jarum, Seutas Benang"
Tarikh : Julai hingga Oktober 2020
Hari : Isnin hingga Jumaat
Lokasi : Padang Chempedak, Pulau Pinang

Pengenalan Program :

Sebuah Program Keusahawanan Sosial yang melibatkan komuniti setempat.Peserta yang terlibat adalah seramai 5 orang pelajar semester satu dan lima yang terdiri daripada anak-anak asnaf penerima zakat PMTG pada sesi Jun 2020 dan 2 orang pensyarah mentor. Manakala Encik Muhammad Razie dari kumpulan B40, asnaf dan OKU yang akan menjalani sesi bimbingan bersama para pelajar dan Jakel Sungai Petani.

Kandungan Program :

SOCIAL ENTERPRISE @COMMUNITY (SE@C) "SEBILAH JARUM, SEUTAS BENANG"						
PENYERTAAN PELAJAR	MARIATUL QIBTIAH BINTI MOHD SUKOR	DEBBY CHIENG POH YEE	KHAIREENA HAFIZAH HUDA BT KHAIROL UMAM	NURUL AZALEA IRDINA BINTI SAZALI	NUR SYAZWANIE BINTI DENNIS EMMANUEL @ MOHD DZULKIFLEE	
PENYERTAAN PENSYARAH	NORAINI BINTI RAMLI		RASMA SUZIEYANTEE BINTI ISMAIL		NORHASALIZA BINTI HASSAN	
PENYERTAAN KOMUNITI (KELUARGA)	EN. MUHAMMAD RAZIE	TUKANG JAHIT ALTER DAN PERBAIKI PAKAIAN YANG KOYAK KG PADANG CEMPEDAK	30 TAHUN (BUJANG)	ANGARAN PENDAPATAN RM 500.00 (TIDAK TETAP)	OKU DAN MEMPUNYAI PENYAKIT KENCING MANIS	AKADEMIK: SPM

Tujuan Program:

- Memberi pendedahan awal tentang keusahawanan sosial kepada pelajar.
- Dapat membantu peningkatan sumber pendapatan terhadap peserta dikalangan komuniti yang terpilih.
- Mewujudkan kerjasama strategik di antara agensi berkepentingan dalam membantu individu/keluarga asnaf sasaran bagi meningkatkan pendapatan is rumah.
- Pelajar dapat mempelajari dengan lebih lanjut aspek pengurusan perniagaan, mengenalpasti pasaran dan teknik pemasaran tradisi dan digital.
- Pelajar juga dapat menggunakan ilmu yang telah dipelajari bagi memulakan perniagaan mereka sendiri samada dalam tempoh pengajian atau setelah tamat pengajian.





Sesi lawatan mesra dari PMTG bagi pemilihan peserta dikalangan komuniti





Pelantikan watikah pelaksanaan program SE@C bersama peserta





Sesi perbincangan dan persetujuan perlaksanaan latihan daripada Jakel cawangan Sungai Petani En. Ridzuan kepada peserta Encik Razie

Aktiviti 10

Tajuk : *Celcom Siswapreneur@Google Bootcamp 2020*
Tarikh : 19 Hingga 22 Oktober 2020
Hari : Isnin Hingga Khamis
Lokasi : Bilik Seminar, PMTG

Pengenalan Program:

Kursus ini di iktiraf oleh *Google*, dan peserta yang menyertai program ini akan mempelajari cara menggunakan aplikasi *Gsuite* dalam meningkatkan kemahiran digital. Setelah selesai program ini, seramai 6 pelajar dan 2 pensyarah untuk setiap institusi akan berpeluang menduduki Peperiksaan Sijil *Gsuite* secara PERCUMA. Bahan pembelajaran boleh diakses semula oleh kesemua peserta dan juga keseluruhan warga kampus sehingga 30 November 2020.

Kandungan Program:

Peserta adalah dikalangan pelajar Semester 2 DDV
1. Nuralya Natasya Binti Muslim (32DDV19F1046) (nuralyanatasya1020@gmail.com)
2. Fakhrul Adli Bin Osman(32DDV19F2002) (fakhruladli.osman@gmail.com)
3. Affizy Bin Saudin(32DDV19F2010) (fizy378@gmail.com)
4. Devaraj a/l Shanmugam (32DDV19F2007) (devshan5447@gmail.com)



Aktiviti 11

Tajuk : Operasi Jualan Produk PMTG Di Pasar Tani Anjuran Fama, Pulau Pinang
Tarikh : Mulai 29 November 2020
Hari : Setiap Hari Ahad
Lokasi : Tapak Pasar Tani, Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Pengenalan Program:

Unit Keusahawanan telah menerima jemputan daripada FAMA Pulau Pinang untuk menyertai aktiviti perniagaan produk di Tapak Pasar Tani Tasek Gelugor bagi setiap hari Ahad.

Kandungan Program:

Aktiviti perniagaan berbentuk pasar tani telah disertai oleh para pelajar PMTG daripada pelbagai semester bagi berkongsi pengalaman dan pendapatan. Pelajar juga dapat menjalani proses perniagaan sebenar di lapangan. Rutin aktiviti perniagaan telah menyumbang pendapatan yang memberangsangkan di samping mendapat tunjuk ajar yang berterusan daripada rakan industri FAMA.









Aktiviti 12

Tajuk : *My Best Buy* @ Taman Sg. Dua Utama, Sg. Dua Anjuran Fama, Pulau Pinang
Tarikh : 26 Disember 2020
Hari : Sabtu
Lokasi : Taman Sg. Dua Utama, Sg. Dua, Pulau Pinang

Pengenalan Program:

Unit Keusahawanan telah menerima jemputan daripada FAMA Pulau Pinang untuk menyertai aktiviti perniagaan produk di *My BestBuy* di Sungai Dua.

Kandungan Program:

Pelajar juga dapat menjalani proses perniagaan sebenar di lapangan. Rutin aktiviti perniagaan telah menyumbang pendapatan yang memberangsangkan di samping mendapat tunjuk ajar yang berterusan daripada rakan industri FAMA.

Program pagi ini dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Shabudin bin Yahaya, Timb. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-Undang) merangkap Ahli Parlimen Tasek Gelugor bersama Dato' Ibrahim bin Romli, Timb. Ketua UMNO Tasek Gelugor dan diiringi Pengarah FAMA Negeri Pulau Pinang, Puan Habibah binti Sulaiman bersama En Norhisham bin Ramli, Timb Pengarah Seksyen Pembangunan Sektorial Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Turut hadir bersama menyerikan majlis perasmian pagi ini ialah Mantan Ketua Pengarah FAMA iaitu Dato' Ahmad bin Ishak.

Pengisian program dimulakan dengan Majlis Perasmian MBB Taman Sungai Dua Utama dan penyerahan bantuan "Jom Kongsi Rezeki" oleh Asnaf kawasan berhampiran serta disusuli dengan lawatan ke gerai-gerai usahawan oleh dif-dif kehormat.

Antara aktiviti jualan disediakan kepada para pengunjung adalah Jualan terus dari ladang (JTDL), Jualan keperluan runcit, jualan daging segar, jualan ayam segar, jualan karavan tani dan jualan "car booth".









Bersama YB Datuk Hj. Shabudin bin Yahaya, Timb. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-Undang) merangkap Ahli Parlimen Tasek Gelugor bersama Dato' Ibrahim bin Romli, Timb. Ketua UMNO Tasek Gelugor dan diiringi Pengarah FAMA Negeri Pulau Pinang, Puan Habibah binti Sulaiman





UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI


PENGENALAN

UPLI merupakan unit di politeknik yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti berkaitan Latihan Industri (LI) dan Work-Based Learning (WBL). Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Unit dengan dibantu oleh penyelaras di jabatan.

OBJEKTIF

Unit ini menyelaras pelaksanaan Latihan Industri (LI) dan Work-Based Learning (WBL) kepada semua pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor sehingga mereka tamat. Selain itu, unit ini juga menyelaras permohonan pelajar Latihan Industri dari institusi luar.

CARTA ORGANISASI



SKOP TUGAS

Antara skop tugas dibawah unit ini adalah:

01
Menyediakan data pelajar LI dan WBL.

02
Menyediakan dokumen LI dan WBL.

03
Menyelaras Taklimat Pengenalan LI dan WBL.

04
Menyelaras Taklimat Persediaan LI dan WBL.

05
Menguruskan permohonan tempat LI dan WBL.

06
Menguruskan proses penempatan pelajar LI dan WBL.

07
Menguruskan proses penempatan pelajar LI dan WBL.

08
Menguruskan pembentangan dan pengesahan keputusan penilaian LI.

09
Berinteraksi serta bertukar pandangan dengan institusi dan pelajar bagi mewujudkan kerjasama yang erat.

10
Mendapatkan gambaran sebenar suasana kondisi kerja dalam bidang tertentu.

STATISTIK PELAJAR YANG MENJALANI LI DAN WBL PADA SESI DISEMBER 2019 DAN SESI JUN 2020

LATIHAN INDUSTRI (PROGRAM DDT)



Pelajar Semester 6
Sesi Disember 2019



Pelajar Semester 6
Sesi Disember 2019 (PKLI)



Pelajar Semester 6
Sesi Jun 2020

WORK-BASED LEARNING (WBL) (PROGRAM DDV)



Pelajar Semester 5
Sesi Disember 2019



Pelajar Semester 4
Sesi Jun 2020

SENARAI SYARIKAT YANG TELAH MENERIMA PELAJAR PMTG SEPANJANG TAHUN 2020

Latihan Industri

BIL.	SYARIKAT	NEGERI
1	PUSAT ISLAM, UTM	JOHOR
2	POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR	PULAU PINANG
3	PLANMALAYSIA@NEGERI SEMBILAN	NEGERI SEMBILAN
4	ISHANTECH (M) SDN. BHD.	SELANGOR
5	BANGUNAN TABUNG HAJI	KUALA LUMPUR
6	PEJABAT TENAGA KERJA PELABUHAN KLANG	SELANGOR
7	THULIJA TECHNOLOGIES SDN BHD	KUALA LUMPUR
8	JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA	PERAK
9	SYSCORE SDN BHD	PULAU PINANG
10	RCSI & UCD MALAYSIA CAMPUS	PULAU PINANG

BIL.	SYARIKAT	NEGERI
11	ITRAIN KIDS SDN. BHD.	KUALA LUMPUR
12	TRI DOT COMP SDN BHD	PULAU PINANG
13	SONY EMCS (MALAYSIA) SDN BHD	PULAU PINANG
14	TENDERIN SDN BHD	SELANGOR
15	ACCESS TECHNO SOLUTION MALAYSIA	SELANGOR
16	SERIAL DATA SDN. BHD.	SELANGOR
17	FABY FAMY SDN. BHD.	PULAU PINANG
18	ATD SOLUTION (M) SDN. BHD	KUALA LUMPUR
19	POS AVIATION SDN. BHD.	SELANGOR
20	MAJLIS PERBANDARAN KLUANG	JOHOR
21	PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG	PERAK
22	LITTLE CALIPHS SEGAMBUT	KUALA LUMPUR
23	RCSI & UCD MALAYSIA CAMPUS	PULAU PINANG
24	REKA INISIATIF SDN. BHD.	KUALA LUMPUR
25	NEXT GEN MAKERS ACADEMY	SELANGOR
26	PC WORLD SD. BHD.	MELAKA
27	SONY EMCS (MALAYSIA) SDN. BHD.	PULAU PINANG
28	SILTERRA MALAYSIA SDN BHD	KEDAH
29	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA	PUTRAJAYA
30	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN	KELANTAN
31	PANASONIC MANUFACTURING MALAYSIA BHD (JAB KEWANGAN)	SELANGOR
32	KASTAM WPKL	SELANGOR
33	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	KELANTAN
34	MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG	PULAU PINANG

BIL.	SYARIKAT	NEGERI
35	CZ COMPUTER CENTER	PULAU PINANG
36	PERBADANAN PUTRAJAYA	PUTRAJAYA
37	HONG LEONG ASSURANCE BERHAD	KUALA LUMPUR
38	PUNCAK IMAN NIAGA	SELANGOR
39	ALTERAXIS SDN. BHD.	SELANGOR
40	GERBANG ALAF RESTAURANTS SDN BHD	SELANGOR
41	PERDA VENTURES INCORPORATED SDN BHD	PULAU PINANG
42	UDRIVE MEDIA SDN BHD	SELANGOR
43	SIRIM BERHAD	SELANGOR

Work-Based Learning (WBL)

BIL.	SYARIKAT	NEGERI
1	BERNAMA NEWS CHANNEL	KUALA LUMPUR
2	CLOUD MEDIA STUDIO	PULAU PINANG
3	COGEAR SDN BHD	SELANGOR
4	KINOCINEMA MEDIA	KUALA LUMPUR
5	KUNANG PICTURES PRODUCTION	SELANGOR
6	NORTHWIND INTELLEC	PULAU PINANG
7	PRODUKSI SENI 2020	SELANGOR
8	SCIMPA, UUM	KEDAH
9	SHUTTERSPEAK STUDIO	KUALA LUMPUR
10	SMMTC, UUM	KEDAH
11	TV ALHIJRAH	KUALA LUMPUR
12	ZAFTRAD SERVICES	SELANGOR

BIL.	SYARIKAT	NEGERI
13	EMOLUTION (M) SDN BHD	SELANGOR
14	LIGHT SPACE PRODUCTION	KUALA LUMPUR
15	SEKTOR SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN	PULAU PINANG
16	SERINDIT PRODUCTION SDN BHD	PERLIS
17	VISUAL THREE PRODUCTION	SELANGOR
18	WORLD EVOLUTION BRAIN (M) SDN BHD	KUALA LUMPUR

SENARAI PELAJAR DARI INSTITUSI LUAR YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR SEPANJANG TAHUN 2020

BIL.	NAMA	INSTITUSI
1	SARAH ADILAH BINTI MOHD SUBRI	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM), CAWANGAN KEDAH
2	SITI NOR SUHAIDA BINTI ROSLAN	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
3	MUHAMMAD SHAFIQ BIN REDZUAN	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM), KAMPUS PUNCAK ALAM

AKTIVITI ANJURAN UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (UPLI) 2020

AKTIVITI 1: POPCORN TALK

PENGENALAN :
Aktiviti ini merupakan satu inisiatif daripada pihak Politeknik bagi mendedahkan pelajar dengan dunia luar/ industri pada peringkat awal pengajian sebelum melangkah keluar ke industri untuk menjalani latihan Work-Based Learning/ Latihan Industri dengan menggunakan platform media social seperti Instagram rasmi Politeknik METrO Tasek Gelugor.

OBJEKTIF :

- Meningkatkan pengetahuan dalam bidang masing-masing.
- Mendapat input awal berkenaan suasana alam pekerjaan sebenar.
- Memantapkan kemahiran berkomunikasi.
- Meningkatkan keyakinan semasa di industri.
- Membuat jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk peningkatan kerjaya.
- Membantu ke arah persediaan ke alam pekerjaan/ keusahawanan.







BUTIRAN PROGRAM :


BIL.	NAMA PROGRAM	PENCERAMAH JEMPUTAN	TARIKH
1	*Inspiring Through Learning*	En. Ku Muhammad Asnawi bin Ku Yahya	26 September 2020
2	Cabaran Dunia IT Akan Datang: Pilihan & Kerjaya	En. Mohd Emran bin Ibrahim	09 Oktober 2020
3	PMTG ke Disney	En. Ahmad Audadi bin Mohd Rosley	10 November 2020


AKTIVITI 2: TAKLIMAT WBL SECARA DALAM TALIAN

PENGENALAN :

Memberi taklimat pengenalan dan mempersiapkan pelajar untuk menjalani WBL sewaktu pandemik Covid-19. Pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar kelas DDV 3A dan kelas DDV 3B. Taklimat ini telah dilaksanakan sebanyak 3 peringkat iaitu pada 04 Oktober 2020, 07 Oktober 2020 dan 09 Disember 2020.







AKTIVITI 3: AKTIVITI PELAJAR SEPANJANG MENJALANI WBL

PENGENALAN :
Aktiviti pelajar-pelajar yang sedang menjalani WBL.













UNIT HUBUNGAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT

SINOPSIS UNIT HUBUNGAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Hubungan dan Komunikasi Korporat (UHKK) merancang dan mengurus bahan penerbitan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) sebagai sumber maklumat seperti mengemaskini laman sesawang PMTG, buletin PMTG dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan mempromosikan PMTG. Unit ini turut merancang dan mengurus imej PMTG dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur. UHKK juga merancang dan mengurus aktiviti promosi dan publisiti program pengajian di jabatan dan institusi.

Selain itu UHKK juga menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/sidang media (press conference), menyediakan kenyataan akhbar (press release), siaran media dan temu bual khas media cetak dan elektronik.

Pada tahun 2020, UHKK telah berjaya mencapai sasaran hebahan melebihi daripada KPI yang ditetapkan iaitu sebanyak 24 hebahan. Daripada 70 hebahan yang disiarkan melalui media sosial, sebanyak 37 hebahan telah diambil kira sewaktu penilaian KPI bagi tahun 2020.

CARTA ORGANISASI



OBJEKTIF, VISI DAN MISI

OBJEKTIF

Memastikan informasi berkenaan PMTG di platform media sosial (Facebook, Instagram dan Laman Sesawang PMTG) sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

Memastikan pencapaian KPI Hebahan Media tercapai.

VISI

Menyokong visi politeknik untuk peneraju institusi TVET yang unggul.

MISI

Menjunjung aspirasi misi politeknik dalam menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diikitiraf

HARI MAKLUM BALAS PELANGGAN

TARIKH PROGRAM
11 NOVEMBER 2020

OBJEKTIF PROGRAM

Bagi penambahbaikan prestasi perkhidmatan jabatan melalui persepsi am dan tindakan susulan oleh unit-unit bertanggungjawab.



KPI UNIT TAHUN 2020

INSTITUSI	SASARAN	CAPAI
Politeknik METrO Tasek Gelugor.	24	37




UNIT JAMINAN KUALITI

SINOPSIS
UNIT JAMINAN KUALITI

Unit Jaminan Kualiti (UJK) Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah diwujudkan pada bulan Julai 2018 hasil inisiatif pihak pengurusan atasan. Unit ini mempunyai tiga (3) bahagian utama iaitu Kualiti, Akreditasi dan EKSA. UJK diketuai oleh Ketua Unit Jaminan Kualiti dan disokong oleh Pegawai Pengurusan Kualiti, Penyelaras Akreditasi dan Penyelaras EKSA serta ahli jawatankuasa bagi setiap bahagian.

Objektif penubuhan unit ini adalah untuk menyelaraskan dan mengimplementasikan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (SPOP/EOMS), mengurus permohonan bagi pengiktirafan program pengajian, menguruskan permohonan bagi pensijilan EKSA dan menjadi urusetia bagi proses audit dalaman dan audit luaran (SIRIM, MQA dan MAMPU) ke arah memantapkan peranan warga PMTG yang responsif, proaktif dan komited terhadap kesinambungan kecemerlangan organisasi.

CARTA ORGANISASI



FUNGSI DAN PERANAN UNIT JAMINAN KUALITI (UJK) PMTG



AKTIVITI UNIT JAMINAN KUALITI (UJK) 2020

Tugas utama unit ini adalah merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program berkaitan pengurusan kualiti bagi menerapkan budaya bekerja cemerlang serta mengamalkan penambahbaikan secara berterusan ke arah merealisasikan visi, misi dan dasar kualiti PMTG. Maka unit ini telah menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat membantu dalam memantapkan kecemerlangan organisasi.



GOTONG ROYONG PERDANA PMTG (EKSA)

PENGENALAN

Program Gotong-royong Perdana PMTG (EKSA) 2020 telah dijalankan bertempat di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) dan telah melibatkan semua warga PMTG dalam melaksanakan aktiviti. Program yang dijalankan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kebersihan dan keindahan kawasan politeknik lantas memperkenalkan program EKSA sebagai satu amalan yang perlu dipraktikkan supaya politeknik terus menjadi persekitaran yang kondusif dan selesa untuk semua warga PMTG dalam menjalankan pelbagai aktiviti. Program ini juga bertujuan untuk merapatkan hubungan antara semua selain dapat meluaskan penglibatan warga PMTG dalam mengamalkan nilai dan prinsip EKSA di politeknik. Melaluinya, warga PMTG akan lebih prihatin mengenai tanggungjawab dan peranan masing-masing untuk membantu politeknik mencapai ekosistem yang kondusif dan selamat. Manfaat dalam keterlibatan semua warga PMTG membuatkan program ini sebagai satu titik permulaan dalam meningkatkan kesedaran mereka terhadap kebersihan dan keceriaan. Gotong royong perdana PMTG yang dijalankan ini juga telah dirasmikan oleh Ts. Zulkurnain Bin Shahadan, Pengarah Politeknik METro Tasek Gelugor.



OBJEKTIF PROGRAM

Program ini diadakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, kemas, kondusif dan selesa pada setiap masa.

Mengumpul barang kitar semula mengikut kategori.

Meningkatkan kesedaran dan memahami semua aspek penting dalam amalan kitar semula.

Memupuk sikap bertanggungjawab kepada bumi dan alam sekitar dengan memberi dan menyediakan peluang kepada warga PMTG untuk menjalankan aktiviti kitar semula.

TARIKH PROGRAM
12 Februari 2020















KURSUS AUDIT KUALITI DALAMAN PMTG

PENGENALAN

Kursus Audit Dalaman PMTG 2020 telah diadakan pada 30 Jun dan 1 Julai 2020 bertempat di Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Kursus yang telah melibatkan 24 orang warga PMTG dari pelbagai unit bagi membentuk pasukan juruaudit dalaman yang rasmi semasa menjalani kursus. Pada akhir sesi kursus, peserta juga menerima pensijilan secara rasmi bagi melayakkan mereka sebagai juruaudit dalaman secara rasmi dimana pengiktirafan ini diberikan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) kepada PMTG.



OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan proses audit berdasarkan ISO 21001:2018.

Menyediakan juruaudit yang mempunyai kelayakan melaksanakan proses audit bagi mengukur kesediaan bagi mematuhi keperluan ISO 21001:2018.

TARIKH PROGRAM
30 Jun dan 1 Julai 2021



MESYUARAT PENYELARASAN DOKUMEN KUALITI, PELAN STRATEGIK, PENGURUSAN RISIKO DAN DOKUMEN AKREDITASI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

PENGENALAN

Mesyuarat Penyelarasan Dokumen Kualiti, Pelan Strategik, Pengurusan Risiko dan Dokumen Akreditasi Politeknik METrO Tasek Gelugor telah diadakan pada 07 hingga 09 Oktober 2020 bertempat di B*ayview Beach Resort* Batu Feringgi, Pulau Pinang. Kursus yang diadakan ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada semua pemegang taruh dokumen EOMS untuk membuat persediaan dan penambahaikan dokumentasi mereka sebelum berlangsungnya Pensijilan audit EOMS oleh SIRIM yang berlangsung pada awal tahun 2021.



OBJEKTIF PROGRAM

Membuat penyelarasan risiko berdasarkan pelan strategik serta memurnikan dokumentasi kualiti EOMS.

Membentangkan dokumen yang telah diselaraskan dan dikemaskini kepada pihak pengurusan atasan PMTG.

TARIKH PROGRAM
07 hingga 09 Oktober 2020



AUDIT EKSA KALI PERTAMA

PENGENALAN

Audit EKSA kali pertama telah diadakan pada 14 hingga 27 Oktober 2020 bertempat di Politeknik METrO Tasek Gelugor. Tujuan audit eksa Audit kali pertama adalah bagi mendapatkan peratusan markah yang boleh menentukan status PMTG bagi pensijilan EKSA. Audit yang dijalankan ini juga akan menjadi penanda aras yang penting agar PMTG lebih bersedia dari pelbagai aspek dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



OBJEKTIF PROGRAM

Mengukur kesediaan PMTG ke arah pensijilan EKSA.

Audit kali pertama adalah bagi mendapatkan peratusan markah yang boleh menentukan status PMTG bagi pensijilan EKSA.

TARIKH PROGRAM

14 hingga 27 Oktober 2020















LAWATAN PENANDAARASAN PENGURUSAN KUALITI, AUDIT DALAMAN, PELAN STRATEGIK, PENGURUSAN RISIKO DAN AMALAN EKSA.

PENGENALAN

Lawatan penandaarasan telah dilaksanakan di Politeknik METrO Kuantan (PMKU) dan Kolej Komuniti Kuantan. Lawatan di Politeknik METrO Kuantan adalah bertujuan untuk melihat kaedah pelaksanaan pengurusan kualiti di PMKU, manakala lawatan di Kolej Komuniti Kuantan adalah untuk melihat pengurusan dan amalan EKSA yang telah dilaksanakan.



OBJEKTIF PROGRAM

Mendapatkan input tambahan berkenaan pengurusan kualiti dan amalan EKSA sebagai rujukan dan panduan.

Memberi pendedahan dan semangat dalam kalangan staf PMTG.

TARIKH PROGRAM

01 Oktober 2020


















UNIT PERANCANGAN STRATEGIK DAN PRESTASI POLITEKNIK

PENGENALAN

Unit Perancangan Strategik dan Prestasi Politeknik (UPSPP), Politeknik METrO Tasek Gelugor bertujuan untuk mengurus dan memantau hal-hal berkaitan dengan perancangan strategik, pencapaian prestasi dari segi pelaksanaan dan pencapaian petunjuk prestasi (KPI) yang ditetapkan, pelan tindakan PMTG dan data berkaitan POLYRATE, ILKA dan TVET PMTG.


OBJEKTIF

Secara umumnya, objektif UPSPP adalah untuk mengurus, menyelaras, memantau dan melapor hal-hal berkaitan dengan pengurusan strategik, pengurusan prestasi dan pengurusan data di PMTG.


Secara khusus, objektif UPSPP adalah :

- Merancang aktiviti pengurusan strategik Politeknik.
- Menyedia Pelan Strategik Politeknik.
- Menyedia Pelan Tindakan PMTG.
- Menyelaras data KPI PMTG mengikut sukuan.
- Menyebar maklumat berkaitan Pelan Strategik dan Prestasi Politeknik.
- Memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif pelan strategik oleh jabatan dan unit.
- Menyedia pelaporan pelaksanaan pelan strategik Politeknik.
- Menganjur aktiviti berkaitan pengurusan strategik dan prestasi.
- Melaksana penambahbaikan berterusan berkaitan pengurusan strategik dan prestasi.

CARTA ORGANISASI



PENCAPAIAN KESELURUHAN BAGI TAHUN 2020



Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)
Sasaran : 77%
Pencapaian : 99%

Bilangan penyertaan program PSH bagi di jabatan dan institusi pada tahun semasa
Sasaran : 250 penyertaan
Pencapaian : 1048 penyertaan

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian
Sasaran : 8%
Pencapaian : 8.33%

Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi dengan institusi
Sasaran : 1 kolaborasi
Pencapaian : 2 kolaborasi

Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi dan komuniti
Sasaran : 1 program
Pencapaian : 1 program

Bilangan kertas penyelidikan TVET yang diterbitkan
Sasaran : 1 terbitan
Pencapaian : 2 terbitan

Bilangan program yang dihebahkan melalui media sosial rasmi institusi
Sasaran : 24 hebahan
Pencapaian : 37 hebahan

Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni dan persatuan alumni
Sasaran : 2 aktiviti
Pencapaian : 2 aktiviti

Bilangan aktiviti *Lean Management* di institusi
Sasaran : 2 aktiviti
Pencapaian : 2 aktiviti

Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa
Sasaran : 3.5%
Pencapaian : 35.9%

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari
Sasaran : 100%
Pencapaian : 100%

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa
Sasaran : 99%
Pencapaian : 99.1%

MESYUARAT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR 2020



Mesyuarat KPI PMTG bagi tahun 2020 diadakan bertujuan untuk menerangkan senarai KPI bagi tahun 2020 kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap KPI di PMTG. Di samping itu, mesyuarat tersebut bertujuan untuk memastikan semua pegawai yang bertanggungjawab dapat memberi maklumbalas berkaitan kemajuan KPI bahagian masing-masing. Pada mesyuarat tersebut juga turut dibincangkan pemasalahan dan kaedah atau strategi yang bersesuaian bagi memastikan setiap KPI PMTG tercapai mengikut sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2020, UPSPP telah mengadakan Mesyuarat KPI sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 20 Mac 2020, 25 Jun 2020 dan 8 Disember 2020.

PENCAPAIAN KPI PMTG BAGI TAHUN 2020

PMTG telah mencapai peratus pencapaian KPI yang tertinggi iaitu sebanyak 100%.



Sijil Penghargaan

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

merakamkan penghargaan dan tahniah kepada

POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

atas pencapaian Cemerlang

100%
SKOR PENCAPAIAN KPI JPPKK

bagi tahun

2020

(Ts. ZAINAB BINTI AHMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

BENGKEL PELAN TINDAKAN STRATEGIK POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR 2020



Tarikh : 13 Julai 2020 (Isnin)
Lokasi : Bilik Seminar PMTG
Masa : 8.30pagi - 4.30petang

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada semua peserta berkaitan dengan pengisian aktiviti unit di dalam templat Pelan Tindakan Strategik PMTG 2020 yang disediakan oleh Unit Perancangan Strategik dan Prestasi Politeknik (UPSPP) mengikut teras strategik yang ditetapkan oleh JPPKK. Di samping itu, setiap unit perlu menilai pelaksanaan dan keberkesanan program yang dilaksanakan bagi mencapai objektif organisasi. Setiap unit juga perlu melihat peratus sumbangan yang perlu dicapai bagi setiap program mengikut teras strategik yang telah ditetapkan pada tahun 2020. Seterusnya setiap unit perlu menyiapkan Pelan Tindakan Strategik PMTG 2020 bagi unit masing-masing mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.





UNIT PENGURUSAN RISIKO


SINOPSIS
UNIT PENGURUSAN RISIKO (UPR)

Unit Pengurusan Risiko (UPR) Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah diwujudkan pada bulan Jun 2020 oleh pihak pengurusan tertinggi PMTG. Sebelum ini, fungsi berkaitan pengurusan risiko dipertanggungjawabkan kepada Unit Jaminan Kualiti PMTG. UPR kini diketuai oleh Ketua Unit Pengurusan Risiko dan disokong oleh lima (5) Penyelaras Pengurusan Risiko yang dilantik.

Unit ini ditubuhkan bagi menjalankan fungsi yang antaranya adalah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan pengurusan risiko di PMTG, membantu Unit Jaminan Kualiti dalam memastikan prosedur berkaitan pengurusan risiko dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Unit ini juga bertanggungjawab untuk membangunkan Pelan Pengurusan Risiko PMTG, membantu pihak pengurusan dalam melaksanakan penilaian risiko, analisis impak perkhidmatan dan menyediakan laporan perkembangan pengurusan risiko.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI 1: BENGKEL PENGURUSAN RISIKO DALAM ORGANISASI

Tarikh: 06 Ogos 2020
Lokasi: Bilik Seminar PMTG
Masa: 8.30 pagi – 4.30 petang

Pengenalan :
Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan proses penyediaan dokumentasi pengurusan risiko. Melalui bengkel ini juga, setiap peserta memahami keperluan pengurusan risiko bagi mematuhi standard ISO 21001:2018. Matlamat bengkel seperti ini, supaya setiap pihak akan berperanan dan bertanggungjawab dalam memastikan risiko tugasan ini berada pada tahap yang paling minima. Selain itu, tanggunggwab secara khusus diagihkan secara seimbang bagi memudahkan perlaksanaan pengurusan yang lebih cekap.








Sources of inputs
Inputs
Activities
Output
Elements of a Single process (Assessment of the educational effectiveness process)



UNIT PENGURUSAN KESELAMATAN

PENGENALAN

Unit Pengurusan Keselamatan (UPK) ini ditubuhkan pada Jun 2020. Penstrukturan ini merupakan inisiatif pihak pengurusan menjaga keselamatan dan kesihatan warga Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) supaya sentiasa berada di dalam keadaan sihat dan selamat.

OBJEKTIF

Objektif penubuhan UPK adalah bagi merancang dan melaksanakan kaedah-kaedah keselamatan dan sistem kerja yang selamat. UPK komited di dalam menjalankan aktiviti, program dan kursus berkaitan keselamatan kepada staf dan pelajar di PMTG.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI UNIT PENGURUSAN KESELAMATAN (UPK) 2020

Aktiviti 1: Persediaan Menyambut Kedatangan Pelajar Baharu Sesi Jun 2020

Tarikh: 20 dan 21 Julai 2020
Lokasi: Politeknik METrO Tasek Gelugor





Unit Pengurusan Keselamatan telah mengambil inisiatif membuat persediaan bagi menyambut kedatangan pelajar baharu bagi sesi Jun 2020 di dalam memastikan penularan *Covid-19* dapat diputuskan dengan segera. Proses penandaan penjarakan fizikal telah dilakukan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Proses penandaan ini telah dilakukan di kawasan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) iaitu di kawasan lobi utama, bilik kuliah, makmal komputer dan juga perpustakaan. Jawatankuasa Unit Pengurusan Keselamatan telah bekerjasama serta berganding bahu bagi memastikan keselamatan kakitangan dan para pelajar PMTG terjaga dan terpelihara.

Aktiviti 2: Bengkel Pengurusan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja

Tarikh: 28 Ogos 2020
Lokasi: Bilik Seminar PMTG



Unit Pengurusan Keselamatan telah mengadakan Bengkel Pengurusan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja pada 28 Ogos 2020 (Jumaat) bertempat di Bilik Seminar Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Kamaruzaman bin Jaafar, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Politeknik Seberang Perai (PSP) dan telah dihadiri oleh 38 orang kakitangan termasuk pensyarah PMTG. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membantu mengadakan sistem pengurusan yang berasas kepada peraturan-peraturan dan tatacara amalan pekerjaan berasaskan peruntukan akta. Disamping itu juga, bengkel ini dapat meningkatkan kompetensi berkaitan pengurusan risiko dan keselamatan kepada kakitangan PMTG. Bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan telah mencapai objektif yang ditetapkan.


Aktiviti 3: Kerja-Kerja Nyah Cemar Dan Sanitasi Di Ruangan Kerja Pmtg

Tarikh: Setiap hari Jumaat
Lokasi: Politeknik METrO Tasek Gelugor

Unit Pengurusan Keselamatan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah menjalankan kerja-kerja nyah cemar dan sanitasi di ruangan kerja dan seluruh kawasan yang kerap digunakan oleh kakitangan dan pelajar PMTG. Ini adalah usaha pihak pengurusan PMTG di dalam membendung penyebaran jangkitan virus *Covid-19*. Proses nyah cemar dan sanitasi ini telah dilakukan secara berkala iaitu seminggu sekali pada setiap hari Jumaat oleh dua wakil Unit Pengurusan Keselamatan, Encik Muhammad Hafizul bin Omar@Osman dan Encik Khairul Anuar bin Abu Bakar.









UNIT INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA

SINOPSIS
UNIT INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA

Unit Instruksional dan Multimedia atau lebih dikenali dengan nama UIDM *(Unit for Instructional Development & Multimedia)* berfungsi sebagai unit sokongan yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan audio visual serta fotografi bagi keperluan warga PMTG sama ada untuk proses Pengajaran dan Pembelajaran atau sebarang aktiviti yang melibatkan PMTG.

Unit ini juga berfungsi membantu para pensyarah mengintegrasikan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran serta membimbing pensyarah dalam menghasilkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di PMTG.

Perkhidmatan yang ditawarkan:

- Perkhidmatan Teknikal Audio / Visual
- Pinjaman Peralatan Audio / Visual
- Rekabentuk Grafik (Banner/Banting/Backdrop)
- Perkhidmatan Video/Fotografi
- Perkhidmatan Video/Fotografi Editing
- Penerbitan Videografi
- Perkhimatan Kursus Kamera/ Video/ Audio/ Perisian Suntingan Grafik/ Audio/ Video / Animasi
- Perkhidmatan Penggunaan Studio

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI UNIT INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA
GALERIA PMTG

Tarikh : September - Disember 2020
Lokasi : Lobi, Koridor dan Ruang Legar, PMTG

Pengenalan Program
Projek menaik-taraf Galeria, PMTG diilhamkan oleh Tuan Pengarah PMTG, Ts. Zulkurnain Bin Shahadan. Projek ini melibatkan pensyarah Jabatan Akademik yang dibahagikan mengikut jawatankuasa berikut:


Penaung: Ts. Zulkurnain Bin Shahadan
Penasihat: Ts. Siti Salamah Binti Mustaffa
Pen.Penasihat: En.Mohamad Tarmizy Bin Ahmad
Pengurus Projek: En.Mohd Kamal Ariffin Bin Zakariya
Pen.Pengurus Projek: Pn.Hazleena Binti Osman
JK Teknikal: Ts. Hasbullah Bin Mansor (K)
JK Rekabentuk: En.Mohd Azizi Bin Mohd Nor (K)
JK Sumber dan Info: Cik Salbiah Binti Kasim (K)
JK Pemasangan: En.Mohammad Yahaya Rizal Bin Zainol Abidin (K)
JK Bahan dan Alat: En.Mohd Faiross Bin Ibrahim (K)
















AKTIVITI: BENGKEL *ACTIVE PRESENTER: SCREEN RECORDER & VIDEO EDITOR.*

Tarikh: 7 Ogos 2020
Lokasi: Secara Dalam Talian
Bilangan Peserta : 12 orang
Penceramah : Pn. Azizah binti Siron (Penyelaras *E- Learning* PMTG)dan En. Ku Muhammad Asnawi Bin Ku Yahaya (*MARO* PMTG)

Objektif:

- Memberi pendedahan mengenai aplikasi *Active Presenter.*
- Meningkatkan pengetahuan mengenai asas suntingan video dengan menggunakan perisian *Filmora* .

Rumusan:

Program yang dirancang telah berjalan dengan lancar. Objektif yang dirancang telah berjaya dicapai. Pensyarah mendapat pendedahan mengenai perisian untuk *screen recording* bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan mempunyai kemahiran asas mengenai suntingan video dengan menggunakan perisian *Filmora.*



KPI 1 *MARO*
(PENGHASILAN DUA (2) VIDEO PDP DAN SATU(1) VIDEO 360°)

ARAHAN PENGISIAN BORANG:

Sila rujuk pautan yang disediakan di bawah bagi semakan pencapaian setiap aspek pelaksanaan KPI ini.

ASPEK 1: BLENDED LEARNING INDEX (BLX) - LAPORAN BLX DI DALAM CIDOS DIGUGURKAN
ASPEK 2: BAHAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PDP) BERBENTUK VIDEO DAN VIDEO 360 / VIDEO INTERAKTIF 360
ASPEK 3: VIDEO PELAPORAN

Tuan/Puan dimohon untuk mengisi pencapaian di dalam ruangan SASARAN bagi setiap aspek.


BIL.	INSTITUSI	ASPEK 1: BLX (%) SASARAN ≥ 70%		SEMAKAN BIPD	ASPEK 2: BAHAN PDP (BIL.) SASARAN = 2 + 1			SEMAKAN BIPD	ASPEK 3: V. PELAPORAN (BIL.) SASARAN = 1		SEMAKAN BIPD	PENCAPAIAN KESELURUHAN (%)	PENGESAHAN BIPD
		PENCAPAIAN	PENCAPAIAN %		VIDEO (2)	VIDEO 360 / VIDEO INTERAKTIF 360 (1) TIDAK TERLIBAT	PENCAPAIAN %		PENCAPAIAN	PENCAPAIAN %			
1	PMKL		0	SILA PILIH	1	0	33	TELAH DISEMAK	1	100	TELAH DISEMAK	67	SAH
2	PMKU		0	SILA PILIH	2	1	100	TELAH DISEMAK	1	100	TELAH DISEMAK	100	SAH
3	PMJB		0	SILA PILIH	2	1	100	TELAH DISEMAK	1	100	TELAH DISEMAK	100	SAH
4	PMBS		0	SILA PILIH	2	1	100	TELAH DISEMAK	1	100	TELAH DISEMAK	100	SAH
5	PMTG		0	SILA PILIH	2	1	100	TELAH DISEMAK	1	100	TELAH DISEMAK	100	SAH


VIDEO PDP 1

Tajuk Video: Pertandingan *eDOLA (Video PdP-Fundamental Of Drawing)*
Tarikh: 01 Oktober 2020
Peserta: Pn. Azizah binti Siron dan En. Naqib Idlan Bin Nadzri


Objektif:
- Memberi pendedahan mengenai Teknik Lukisan.
- Memenuhi kriteria semasa dari Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) untuk pembelajaran norma baharu.
- Meningkatkan kreativiti dan mengaplikasikan *Fun Learning* dalam PdP.


Rumusan:
Program yang dirancang telah berjalan dengan lancar. Objektif yang dirancang telah berjaya dicapai. Pensyarah telah terlebih dahulu menyertai kursus *Projection Mapping* bersama Syarikat *Kinocinema* pada 07 september 2020 bagi tujuan PdP dan mempunyai kemahiran asas mengenai suntingan video berserta kemahiran menggunakan perisian Animasi 3D.
Penghasilan video PdP ini telah dimuatnaik ke platform rasmi *Youtube* Politeknik METrO Tasek Gelugor bagi tujuan pertandingan *eDOLA* dan memenuhi kriteria *KPI* yang telah ditetapkan oleh pihak BIPD.


YouTube
Search
POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR
FUNDAMENTAL OF DRAWING
FUNDAMENTAL OF DRAWINGS
42 views • Oct 1, 2020
SHARE
SAVE


YouTube
Search
COURSE LEARNING OUTCOME
Upon completion of this course, students should be able to:
Identify clearly of the basic drawing
using a various type of tools through
the aesthetic values of drawing.
FUNDAMENTAL OF DRAWINGS
42 views • Oct 1, 2020
SHARE
SAVE


EXPLORE
Drawing Techniques
APPLICATIONS


YouTube
Search
FUNDAMENTAL OF DRAWINGS
42 views • Oct 1, 2020
SHARE
SAVE


YouTube
Search
FUNDAMENTAL OF DRAWINGS
42 views • Oct 1, 2020
SHARE
SAVE

VIDEO PDP 2


Tajuk Video: Video PdP *Road Trip Animation Tutorial*
Tarikh: 01 November 2020
Dihasilkan Oleh: Cik Salbiah Binti Kassim

Objektif :

- Memberi pendedahan mengenai teknik animasi 2D.
- Memenuhi kriteria semasa dari Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) untuk pembelajaran norma baharu.
- Meningkatkan kreativiti dan mengaplikasikan *Fun Learning* dalam PdP.

Rumusan :

Penghasilan video pdp ini telah dimuatnaik ke platform rasmi *Youtube* Politeknik METrO Tasek Gelugor untuk memenuhi kriteria *KPI* yang telah ditetapkan oleh pihak BIPD.



VIDEO 360° *(INTERACTIVE 360)*

Tajuk Video: Rekabina Masjid Sendayan
Tarikh: 01 November 2020
Dihasilkan Oleh: Cik Salbiah Binti Kassim

Objektif :

- Memberi pendedahan mengenai kesenian dalam binaan bangunan umat Islam.
- Memenuhi kriteria semasa daripada Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) untuk pembelajaran norma baharu.
- Meningkatkan kreativiti dan mengaplikasikan *Fun Learning* dalam PdP.
- Membolehkan pengguna mendapatkan pengalaman secara maya dalam mengenali kesenian dalam Islam.
- Memenuhi keperluan pembelajaran secara hibrid.

Rumusan :

Penghasilan *Video 360°* ini telah dimuatnaik ke platform KPI yang bertujuan untuk memenuhi kriteria KPI yang telah ditetapkan oleh pihak BIPD.



KPI 2 *MARO* (VIDEO PELAPORAN)

Tajuk Video: Video Pelaporan PMTG 2020
Tarikh: 29 September 2020
Pengacara: Pn. Azizah binti Siron

Objektif :

- Memberi informasi berkenaan aktiviti akademik yang telah dijalankan di PMTG sepanjang tahun 2020.
- Memenuhi kriteria semasa daripada Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) untuk pelaporan norma baharu.


Rumusan :

Video pelaporan bagi aktiviti di PMTG pada tahun 2020 lebih memfokuskan kepada aktiviti berkaitan dengan *eLearning*. Ini berikutan daripada kesan pandemik *Covid-19* yang menjadi halangan utama penganjuran aktiviti fizikal berimpak tinggi oleh pihak PMTG.
Penghasilan video pelaporan ini telah dimuatnaik ke platform rasmi *Youtube* Politeknik METrO Tasek Gelugor bagi tujuan memenuhi KPI pihak BIPD pada tahun 2020.



PMTG (METrO)	1	https://www.youtube.com/watch?v=GUawcTm4q3E&t=3s	https://www.youtube.com/watch?v=GUawcTm4q3E&t=3s		10/26/2020 11:51:15	DITERIMA	1	1	KPI TERCAPAI
	2					-			
	3					-			
	4					-			
						-			
						-			
						-			
						-			
						-			
						-			


YouTube MY
politeknik metro tasek gelugor
NEW NORM TEACHING & LEARNING
PREPARATION REPORT
JUNE SESSION 2020
0:08 / 2:59
Laporan PMTG 2020
42 views • Sep 29, 2020
0
0
SHARE
SAVE


YouTube MY
politeknik metro tasek gelugor
VIRUS DISEASE 2019 (COVID-19)
INDIVIDU YANG
ADA
GEJALA PERNAFASAN
Elakkan mengunjungi tempat tumpuan ramai.
Pakai penutup mulut dan hidung (mask) jika kunjungi tempat tumpuan ramai.
Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang digunakan dan basuh tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.
PMTG New Norm Preparation
COVID-19 SPREAD
Kerap basuh tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.
PMTG put on efforts in controlling the spread of
0:11 / 2:59
Laporan PMTG 2020
42 views • Sep 29, 2020
0
0
SHARE
SAVE



host : Forum Kerjasama Pendidikan Tinggi Medan
& Technological Association Malaysia

REF NO :ICrIPE20/0251

GOLD MEDAL

THIS CERTIFICATE OF AWARD PRESENTED TO :

NAVITHA A/P PUSBANATHAN, LUTFIL HADI, FELICIA ANNE FERNANDEZ, PREETHA MANIAM, RENUKHA PRELATHA

FOR THE INVENTION OF :

ALPHAFLEX TOOL

AT ONLINE CONFERENCE :

ICrIPE INTERNATIONAL CREATIVE AND INNOVATIVE PRODUCT EXHIBITION

21st - 23rd December 2020


Developing Creative and Innovative Sustainability through Inventions, Innovation and Design

ORGANIZED BY :

FORUM KERJASAMA PENDIDIKAN TINGGI MEDAN & TECHNOLOGICAL ASSOCIATION MALAYSIA

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIALAN

CARTA ORGANISASI



PENGENALAN

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK) adalah unit yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan yang dihasilkan oleh para pelajar dan staf Politeknik METrO Tasek Gelugor. Ia juga bertanggungjawab terhadap KPI berkaitan penulisan ilmiah.

VISI & MISI

VISI	Membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pensyarah dan staf politeknik METrO Tasek Gelugor	**MISI**	Menjadi pusat rujukan penyelidikan inovasi yang cemerlang

FUNGSI

01 Menguruskan penyelidikan warga politeknik yang bertujuan untuk menggalakkan *inquisitive minds*, meneroka idea dan konsep baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru dan penciptaan inovatif.

02 Membantu menyelaras penyertaan penyelidikan, inovasi pensyarah dan pelajar PMTG di peringkat kebangsaan, negeri dan antarabangsa.

03 Membantu ULPL dalam pengajaran kursus berkaitan kaedah penyelidikan, inovasi dan harta intelek.

04 Menjadi pemudah cara di dalam khidmat runding berkaitan penyelidikan, inovasi harta intelek, pengkomersilan produk, servis atau proses inovasi pelajar serta staf politeknik.

05 Mengurus dan menyebarkan maklumat mengenai UPIK dari masa ke semasa.

06 Merancang dan mengurus pelaksanaan pembinaan keupayaan warga politeknik dalam penyelidikan dan inovasi.

OBJEKTIF

01

Menyelaraskan aktiviti penyelidikan dan inovasi di Politeknik.

02

Menyelaras penyertaan penyelidikan dan inovasi PMTG di persidangan

03

Mengumpulkan maklumat penyelidikan dan projek inovasi

04

Mengurus dan menyebarkan maklumat mengenai peluang pembentangan dan penulisan.

05

Menyelaraskan keperluan sumber dan bajet bagi menjalankan aktiviti berkaitan penyelidikan, inovasi dan komersialan

06

Melaporkan prestasi KPI penulisan ilmiah mengikut ketetapan tahunan dari JPPKK

LAPORAN AKTIVITI

1. Penulisan

Unit ini telah berjaya melaporkan dua penulisan untuk memenuhi keperluan *Key Performance Indicator (KPI)* bagi aspek penulisan kajian pada tahun 2020 dimana hanya satu diperlukan. Walaubagaimanapun sebenarnya terdapat empat penulisan lain pada tahun 2020 ini.

Keseluruhannya dua daripada penulisan tersebut adalah bertahap *Scopus*, dua pada tahap kebangsaan dan satu pada tahap zon. Berikut adalah perincian semua penulisan terbabit:

01

Penulis: Muniamal @ Puspa Perumal
Tajuk: *A review on emotional intelligence perception among educators in polytechnic*
Tahap: Antarabangsa: *Elsevier: Scopus*
Journal: *International Journal of Advanced Science and Technology*
Vol. 29 No. 7s (2020) pp. 1878-1882

02

Penulis: Renukha a/p Prelatha (3), Paula Alexandra Silva (2), Jeya Amantha Kumar (1)
Tajuk: *Implementing studio-based learning for design education: a study on nhte perception and challenges of Malaysia undergraduates*
Tahap: Antarabangsa: Springer: *Scopus*
Journal: *International Journal of Technology and Design Education*
https://doi.org/10.1007/s10798-020-09566-1

03

Penulis: Rasma Suzieyantee binti Ismail, Muhammad Hafizul bin Omar@Osman, Nor Syazana binti Abd. Rashid
Tajuk: Teknologi *Virtual Reality* 360 Medium untuk Meningkatkan Kefahaman Pelajar dalam Mengenalpasti Fungsi Peralatan Studio bagi Kursus Pengenalan Fotografi
Tahap: Kebangsaan
Jurnal: CIETVET 2020. *10th National Conference in Education Technical & Vocational Education and Training*

04

Nama: Rasma Suzieyantee binti Ismail, Muhammad Hafizul bin Omar@Osman
Tajuk: Kecenderungan Pelajar Semester Akhir Politeknik METrO Tasek Gelugor Menceburi Bidang Keusahawanan sebagai Pilihan Kerjaya
Tahap: Zon
Acara: KOLOKIUM ILMIAH POLITEKNIK SEBERANG PERAI

05

Nama: Nor Syazana binti Abd. Rashid, Rasma Suzieyantee binti Ismail, Muhammad Hafizul bin Omar@Osman
Tajuk: Aplikasi Interaktif *Augmented Reality* dalam Mengenali Teori Warna bagi Kursus Fundamental of Art and Design
Tahap: Kebangsaan
Jurnal: CIETVET 2020: *10th National Conference in Education Technical & Vocational Education and Training*

PENULISAN 1

A REVIEW ON EMOTIONAL INTELLIGENCE PERCEPTION AMONG EDUCATORS IN POLYTECHNIC

Muniamal

Abstract

The understanding of Emotional Intelligence is vital in upgrading the quality of education
professional development. It is a quality that enables us to confront our emotions, identify others
emotions and build good social relationship with others. Educators are role models for students to
learn emotionally intelligent behavior and the awareness of emotional intelligence among educators
would enable them to enhance personal and professional competence. This study is an attempt to
evaluate the insight of emotional intelligence among educators in a Polytechnic. A qualitative

pdf

How to Cite
Muniamal. (2020). A REVIEW ON EMOTIONAL INTELLIGENCE PERCEPTION AMONG EDUCATORS IN POLYTECHNIC. *International Journal of Advanced Science and Technology*, *29*(7s), 1878-1882. Retrieved from http://sersc.org/journals/index.php/IJAST/article/view/12241

More Citation Formats

Issue
Vol. 29 No. 7s (2020): Vol 29 No. 7s (Special Issue)

Section

International Journal of Advanced Science and...
Not yet assigned quartile
SJR 2020
0
powered by scimagojr.com

Make a Submission

ELSEVIER

PENULISAN 2

Springer Link Search Log

Published: 15 February 2020

Implementing studio-based learning for design education: a study on the perception and challenges of Malaysian undergraduates

Jeya Amantha Kumar, Paula Alexandra Silva & Renugha Prelath

International Journal of Technology and Design Education (2020) | Cite this article

PENULISAN 3


SIJIL PENYERTAAN
Dengan Ini diakui bahawa
RASMA SUZIEYANTEE ISMAIL
Telah Menyertai
10TH NATIONAL CONFERENCE IN EDUCATION TECHNICAL & VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING
10th CIE-TVET 2020
E-Persidangan Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
13-14 OKTOBER 2020
SEBAGAI
PEMBENTANG
KERTAS KAJIAN BERTAJUK
Teknologi Virtual Reality 360 Medium Untuk Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Mengenalpasti Fungsi Peralatan Studio Bagi Kursus Pengenalan Fotografi
DR. ISHAK BIN MOHAMAD
PENGARAH
PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

2. Inovasi

Selain penyelidikan dan penulisan, UPIK juga telah berjaya merekod beberapa pembentangan inovasi produk yang telah dipertandingkan. Senarai pencapaian inovasi yang telah dipertandingkan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

INOVASI 1

Inovasi 1: Study@poly Mobile Application
Pertandingan: iCompEx2020
Peringkat: Kebangsaan
Kategori: ICT dan Multimedia

Pensyarah
a. Maz Azleena binti Azahari
b. Suhaila binti Sarif
c. Norsulliatie binti Muhammad

Pelajar
a. Nur Elya Shazana binti Mohd Al Bakri
b. Siti Norbadriah binti Ayob

INOVASI 2

Inovasi 2: Pembangunan Koswer VR360 dalam Pembelajaran Digital Fotografi
Pertandingan: iCompEx2020
Peringkat: Kebangsaan
Kategori: Pengajaran dan Pembelajaran

Pensyarah
a. Sarifah Nor Husna binti Syed Alias
b. Suhaila binti Sarif
c. Norsulliatie binti Muhammad

INOVASI 3

Inovasi 3: VIDEO PDP 360 IMPLEMENTATION STACK AND QUEUE IN REAL LIFE
Pertandingan: International Virtual Educational Invention, Innovation and Design Competition (iVEDIIC2020)
Peringkat: Antarabangsa
Kategori: Education Invention

Pensyarah
a. Suhaila binti Sarif (Leader)
b. Norsulliatie binti Muhammad
c. Zirwatul Hanan binti Salleh

INOVASI 4

Inovasi ini telah dipertandingkan sebanyak 2 kali di peringkat antarabangsa
Inovasi 4: Alphaflex Tool
Pertandingan: ICrIPE2020 & InIIC Series 2/2020
Peringkat: Antarabangsa
Kategori: Marketing Strategy dan Social Science


Pensyarah
a. Renukha a/p Prelatha

Pelajar
a. Navitha a/p Pusbanathan
b. Lutfil Hadi bin Mohd Abdul Nasir
c. Felicia Anne Fernandez
d. Preetha Maniam


INOVASI 1



INOVASI 2



INOVASI 3



INOVASI 4 - ICrIPE2020



INOVASI 4 - InIIC Series 2/2020





UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

PENGENALAN

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) bertanggungjawab merancang, mengelola dan melaksanakan latihan bagi staf akademik dan bukan akademik di Politeknik METrO Tasek Gelugor, demi memastikan pembangunan kompetensi, kecemerlangan dan pembelajaran berterusan staf dapat dipertingkat dengan lebih berkesan dan memenuhi keperluan kepakaran semasa selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

FUNGSI

- Mengelola, mengurus dan menyelaras urusan latihan semua staf Politeknik secara efektif selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan Program Latihan Dalaman.
- Mengenalpasti, mengurus dan menghantar staf untuk Latihan Luaran. Memastikan perlaksanaan Prosedur Kualiti PMTG-DK-PP-07 : Perancangan dan Pengurusan Latihan Staf dipatuhi.
- Mengurus dan menyelaras aktiviti di Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan.
- Menyimpan dan menyelenggara rekod berhubung latihan staf.
- Mengemaskini dan menyelenggara Pangkalan Data Latihan Staf Politeknik (e-SIS).

CARTA ORGANISASI




KURSUS DALAM PERKHIDMATAN (KUDAP)

Bilangan kehadiran kursus bagi Staf Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) untuk sepanjang tahun 2020 adalah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) iaitu sebanyak 3 hari bagi tahun semasa di mana sebanyak 9 bidang kursus telah dihadiri oleh para staf PMTG.

Pencapaian bagi 3 hari berkursus ini merupakan hasil kehadiran para staf PMTG ke latihan dalaman anjuran PMTG, latihan dari pihak luaran PMTG dan juga latihan atas talian anjuran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) dan juga sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) di bawah INTAN yang pertama kali diperkenalkan selaras dengan situasi pandemik Covid-19.

TABURAN PENYERTAAN MENGIKUT KATEGORI



LATIHAN PERINGKAT DALAMAN

Berikut merupakan antara latihan peringkat dalaman sama ada secara bersemuka mahupun atas talian telah dijalankan secara anjuran bersama di antara Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan bersama-sama unit-unit lain di dalam PMTG.

- Taklimat & Bengkel Pembangunan Item PPRN 2.0
- Bengkel Pengurusan Aset Politeknik 2020
- Bengkel Pelan Tindakan Strategik & Prestasi Politeknik METrO Tasek Gelugor
- Bengkel Aplikasi CISCO Webex & Microsoft Teams

- Bengkel Penyediaan Senarai Semak Audit
- Bengkel *Active Presenter: Screen Recorder & Video Editor*
- Bengkel Orientasi PDPDT Bersama Staf Akademik PMTG
- Bengkel Platform LMS - CIDOS & Aplikasi *Big Blue Button*
- Bengkel *Kahoot Learning Games - Make Learning Awesome*
- Bengkel Pengurusan Risiko Dalam Organisasi
- Bengkel Pengurusan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja
- Bengkel *Spatial Augmented Reality: Creative Media Mapping*
- Kursus Audit Dalaman Politeknik METrO Tasek Gelugor
- Program Motivasi dan *Teambuilding* Politeknik METrO Tasek Gelugor 2020 - *Self Investment Towards Excellence Team Culture*

Mengambil kira situasi pandemik Covid-19 yang telah melanda sepanjang tahun 2020, PMTG tetap berjaya melaksanakan sebanyak 4 kali perhimpunan bulanan secara bersemuka dengan pematuhan terhadap SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib. Berikut adalah senarai perhimpunan bulanan yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

- Perhimpunan Bulanan Bil.1/2020 – 22 Januari 2020
- Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2020 - 26 Januari 2020
- Perhimpunan Bulanan Bil. 3/2020 – 18 Jun 2020
- Perhimpunan Bulanan Bil. 4/ 2020 – 12 Ogos 2020
- Perhimpunan Bulanan Bil. 5/2020 – 14 Oktober 2020









URUSETIA VALIDASI KENAIKAN PANGKAT SECARA ATAS TALIAN KOHORT 1/2020

Untuk pertama kalinya pada tahun 2020, ULPL PMTG diberikan tanggungjawab selaku Urusetia Pusat Validasi Panel (UPVP) dan juga Urusetia Pusat Validasi Calon (UPVC). Untuk memastikan kelancaran tanggungjawab yang diamanahkan, pasukan urusetia di peringkat PMTG telah ditubuhkan. UPVP Sel - 2 mula bertugas mulai 14 Disember 2020 sehingga 18 DIsember 2020. Manakala UPVC PMTG bagi Gred DH52 ke DH54 bertugas pada 14 Disember 2020 dan untuk UPVC PMTG bagi Gred DH48 ke DH52 bertugas pada 15 Disember 2020.









KPI 15 – PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT DALAM TAHUN SEMASA

Objektif utama KPI 15 – Program Pembangunan Bakat adalah melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif. Bagi tahun 2020, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti telah menetapkan sasaran pencapaian KPI 15 adalah sebanyak 3.5% Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) bagi setiap Politeknik METrO seluruh Malaysia. Berikut adalah petunjuk prestasi yang digunapakai untuk mengukur pencapaian KPI 15 bagi tahun 2020,

- PPPT yang menyempurnakan program Sangkutan Industri (Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) / Latihan Sangkutan Industri (LSI) / Interaksi bersama industri 176 jam dalam tahun semasa) atau,
- PPPT yang mempunyai persijilan industri atau persijilan professional atau,
- PPPT yang mengikuti program / kursus / latihan berkaitan 4IR

Pencapaian KPI 15 bagi PMTG berjaya tercapai melalui 15 orang PPPT yang telah mengikuti pelbagai program/kursus/latihan berkaitan 4IR.

KATEGORI	BILANGAN PENYERTAAN
Sangkutan Industri	Tiada
Sijil Profesional	Tiada
Program 4IR	

Mewakili 1 orang

KPI 21 – BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DI INSTITUSI PADA TAHUN SEMASA


ULPL PMTG bersama – sama jabatan akademik dan unit sokongan akademik khususnya CISEC telah bersama - sama mengambil inisiatif merancang dan sekaligus melaksanakan pelbagai program di bawah PSH sepanjang tahun 2020 di mana setiap program berjaya dilaksanakan adalah berteraskan kepada jenis – jenis program berikut:

Reskilling and *Upskilling* melalui penawaran Persijilan Profesional bersama pihak Industri yang berminat

Kursus Jangka Pendek khusus buat komuniti yang berminat untuk memajukan diri

TUJUAN PELAKSANAAN PSH

- Menganjur dan menyediakan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan (*k-communities*)
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan melatih semula (*reskilling*) untuk keperluan tenaga kerja setempat
- Menyediakan rangkaian strategik (*strategik networking*) untuk mengukuhkan aktiviti sosioekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (*stakeholders*)
- Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti.







ANUGERAH PENCAPAIAN PSH

Hasil kerjasama yang erat di kalangan seluruh warga PMTG menyaksikan PMTG berjaya meraih dua (2) anugerah berkaitan PSH.

Anugerah tersebut adalah:



POLITEKNIK MALAYSIA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

Sijil Penghargaan

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

atas kejayaan bagi

PENCAPAIAN PENYERTAAN TERTINGGI PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) 2020 KATEGORI POLITEKNIK METrO

Ts. Dr. MOHAMMAD NAJIM BIN YAAKUB
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

25 September 2020



POLITEKNIK MALAYSIA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

Sijil Penghargaan

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

atas kejayaan bagi

PENCAPAIAN PENJANAAN TERTINGGI PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) 2020 KATEGORI POLITEKNIK METrO

Ts. Dr. MOHAMMAD NAJIM BIN YAAKUB
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

25 September 2020

PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) SEPANJANG TAHUN 2020

NAMA SYARIKAT	NAMA PROGRAM	TARIKH
Flex Penang	*Professional Certificate in Equipment Operation* (PCIEO)	Januari 2020
Flex PTP	*Professional Diploma in Debug Engineering* (PDIDE)	Februari 2020
Flex Skudai	*Professional Diploma in Plastic Injection Molding Engineering* (PDPIME)	July 2020
Flex Southern	*Professional Diploma in Manufacturing Engineering* (PDIME) - PDIME001	September 2020
Flex PTP	*Professional Certificate in Manufacturing Operation* (PCIMO) - PCIMO001	Oktober 2020
Politeknik Seberang Perai (PSP)	Bengkel *Basic Video Production*	Ogos 2020
KAFA Dewan Bertam Perdana	Kursus Pengajaran & Pembelajaran Atas Talian PdPT	September 2020



TEMPOH	BILANGAN PESERTA	PENDAPATAN (RM)	SUMBER PERDANAAN
4 bulan	45	90,000.00	HRDF & FLEX
4 bulan	18	72,000.00	HRDF & FLEX
6 bulan	45	176,000.00	HRDF & FLEX
2 hari	35	15,000.00	HRDF & FLEX
2 hari	20	20,000.00	HRDF & FLEX
5 hari	40	5,000.00	BIPD, JPPKK
1 hari	15	0.00	-
	JUMLAH KESELURUHAN	**370,000.00**	





CISEC
(Corporate Industrial Services & Employability Center)


PENGENALAN

Corporate Industrial Services & Employability Center (CISEC) merupakan satu unit yang ditubuhkan bertujuan untuk menyokong salah satu agenda Transformasi Politeknik iaitu meningkatkan kebolehpasaran dan kadarpekerjaan di kalangan graduan politeknik.

FUNGSI

- Memastikan Politeknik mencapai sasaran KPI seperti yang dirancang
- Memudahcara jaringan dan kolaborasi di antara Politeknik dengan Industri
- Menyediakan perkhidmatan dan maklumbalas terhadap keperluan industri terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan
- Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan Politeknik
- Meningkatkan kadar bekerja graduan Politeknik
- Menyediakan khidmat nasihat kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan
- Melaksanakan program-program yang dirancang oleh JPPKK dan Politeknik bagi meningkatkan GE seperti Program CEO Fakulti, IAC dan sebagainya
- Memudahcara program pembelajaran bagi Kursus Secara Sambilan, Program PSH/PISH dan *Signature Program*

CARTA ORGANISASI



WATIKAH PELANTIKAN PENASIHAT INDUSTRI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Pada tahun 2020, Politeknik METrO Tasek Gelugor telah melantik lima orang Penasihat Industri yang bertujuan untuk meningkatkan pemindahan pengetahuan dari industri ke Politeknik. Antara skop tugas Penasihat Industri adalah seperti berikut :

- Berkongsi pengetahuan dan amalan-amalan yang terbaik daripada industri ke Politeknik.
- Memberikan input dan maklumbalas mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan kurikulum, penilaian dan rekabentuk instruksional.
- Memberikan kepakaran dan bimbingan berkaitan dengan kompetensi dan peningkatan kemahiran, penyelidikan dan inovasi dan projek pelajar.



- Memberikan input dan maklum balas berkaitan dengan peningkatan kemahiran dan atribut graduan, dan
- Menyokong dan menyertai aktiviti-aktiviti Politeknik.

PENASIHAT INDUSTRI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR TAHUN 2020



Mohd Emran Bin Ibrahim
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Perniagaan)
Seeloz (M) Sdn. Bhd.

Bidang : IT
Sumbangan :

- Pensyarah Pelawat Industri (PPI) bagi program:
  a) *IT Project & Career Development*
  b) Seminar *Ethical Hacking & Security (Network & IT Security)*
  c) Seminar *Ethical Hacking & Security (Hacking vs Cracking)*
- Panel Penilai Sempena Pameran Projek Akhir Pelajar



Sharif Zulkepeli Sharif Harun
Pengarah Urusan
Zaftrad Services Sdn. Bhd.

Bidang : Penyedia Latihan & Produksi Video & Filem
Sumbangan :

- Pensyarah Pelawat Industri (PPI) bagi program:
  a) *Industrial Talk* - Realiti Sebenar Alam Industri Kreatif
  b) *Industrial Talk* - Multimedia dan Industri
  c) Teknik Sinematografi dan Pencahayaan dalam Penerbitan Video
- Bengkel Kreativiti dalam Penghasilan Video
- Panel Juri VISCOM 2020
- Penempatan pelajar *Work-Based Learning (WBL)* selama setahun (dua semester)

Isazaly Md Isa
Pengarah Urusan
Kino-I Pictures Sdn. Bhd.

Bidang : Penyedia Latihan & Produksi Video & Filem
Sumbangan :



- Bengkel 360 Video
- Panel Juri VISCOM 2020
- Penempatan pelajar *Work-Based Learning (WBL)* selama setahun (dua semester)



Zaidan Zainuddin
Pengarah Urusan
Shutterspeak Studio

Bidang : Penyedia Latihan & Produksi Video & Filem
Sumbangan :

- Panel Juri VISCOM 2020
- Penempatan pelajar *Work-Based Learning (WBL)* selama setahun (dua semester)

MAJLIS APRESIASI INDUSTRI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Tarikh : 23 September 2020 (Rabu)
Masa : 9.00pg – 12.30tgh
Tempat : Espira Kinrara, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor

Pada 23 September 2020 telah berlangsung Majlis Apresiasi Industri Politeknik METrO Tasek Gelugor di Espira Kinrara, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan kepada industri yang telah menyokong dan menyertai aktiviti-aktiviti Politeknik sepanjang tahun 2019. Antara penghargaan yang diberikan kepada industri yang terlibat adalah seperti berikut :



Penganugerahan ini diberikan berdasarkan kriteria penglibatan industri yang memenuhi KPI 20 mengenai industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi. Antara kriteria yang tersebut adalah seperti berikut :

- *Industry on Campus* (IOC)
  a) Inisiatif yang membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bertujuan untuk merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri; ATAU
  b) Inisiatif menggunakan pendekatan *experiential learning, production based education & training, competency based training* atau *problem based education* dalam penghasilan produk atau pemberian perkhidmatan; ATAU
  c) Inisiatif yang berkebolehan menjana pendapatan

- Penajaan latihan tambahan / pensijilan profesional kepada pelajar / pensyarah; atau
- Sumbangan atau perkongsian peralatan; atau
- Penempatan pekerjaan pelajar Latihan Industri sebaik tamat Latihan Industri (Latihan Industri Berstruktur); atau
- Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan; atau
- Research & Development bersama industri yang melibatkan pengkomersilan produk / servis; atau
- Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC) baharu.















Selain itu, sesi menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik juga turut diadakan kepada lapan buah industri yang bersetuju untuk menyediakan kepakaran dan bimbingan berkaitan dengan kompetensi dan peningkatan kemahiran, penyelidikan dan inovasi kepada pelajar dan staf PMTG. Antara industri yang menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik bagi tahun 2020-2021 adalah seperti berikut :



PMTG - Shutterspeak Studio



PMTG - SCIMPA UUM



PMTG - Kinocenema Media



PMTG - Kino-I Pictures

Kategori **JRKV** | **Shutterspeak Studio Sdn. Bhd.**
WBL, Produksi Video & Filem

Kategori **JRKV** | **SCIMPA UUM**
WBL, Produksi Video & Filem

Kategori **JRKV** | **Kinocinema Media**
WBL, Produksi Video & Filem

Kategori **JRKV** | **Kino-I Pictures Sdn Bhd**
WBL, Produksi Video & Filem

Sijil Kolab Strat



Flextronics Shah Alam Sdn. Bhd. (Flex PTP)
Pembelajaran Sepanjang Hayat
Kategori **UMUM**



PMTG - Flex PTP

Flextronics Shah Alam Sdn. Bhd. (Flex Senai 3)
Pembelajaran Sepanjang Hayat
Kategori **UMUM**



PMTG - Flex Senai 3

Mat Rezeki Group
Keusahawanan & Inkubator
Kategori **UMUM**



PMTG - Mat Rezeki Group

Seeloz (M) Sdn. Bhd.
IT & Keselamatan Maklumat
Kategori **JTMK**



PMTG - Seeloz



MESYUARAT PENASIHAT INDUSTRI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Tarikh : 23 September 2020
Masa : 2.30 petang - 5.00 petang
Tempat : Espira Kinrara, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor



Mesyuarat Penasihat Industri PMTG dipengerusikan oleh En Sharif Zulkepele Bin Sharif Harun, Pengarah Urusan Zaftrad Services (M) Sdn. Bhd. yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri PMTG dan En Mohd Emran Bin Ibrahim, Pengurus Operasi Seeloz (M) Sdn Bhd sebagai Timbalan Pengerusi Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri PMTG.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah seperti berikut :

- Perkongsian kepakaran melalui program Pensyarah Pelawat Industri (PPI)
  - 1.1 Seminar / ceramah kepada pelajar berkaitan perkembangan terkini teknologi dan industri tempatan
  - 1.2 Penglibatan industri dalam program *Popcorn Talk*
  - 1.3 Panel penilai luar bagi projek akhir pelajar
  - 1.4 Lawatan kerja pelajar ke industri
  - 1.5 *Mock Interview*



- Penyediaan maklum balas kurikulum program
- Penyediaan tempat latihan industri / *Work-Based Learning* (WBL)



- Penajaan Program Pensijilan Profesional / Pensijilan Kompetensi
  - 4.1 Program *upskilling & re-skilling* pelajar & pensyarah
  - 4.2 Program Finishing School
  - 4.3 Program Sangkutan Graduan PMTG
  - 4.4 Program Pemerkasaan ALUMNI & Keusahawanan PMTG
- Pelaksanaan *Industry on Campus* (IOC)
  - 5.1 Sumbangan peralatan PdP
  - 5.2 Perkongsian peralatan bagi memudahkan proses PdP
  - 5.3 Pelaksanaan *Research & Development* (R&D) bersama industri



- Penempatan pekerjaan kepada graduan PMTG

LIPUTAN MEDIA SEPANJANG MAJLIS APRESIASI INDUSTRI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

Politeknik METrO Tasek Gelugor telah menggunakan platform media sosial sebagai medium penyampaian maklumat dan promosi bagi Majlis Apresiasi Industri & Mesyuarat Penasihat Industri 2020 yang telah diadakan pada 23 September 2020. Majlis ini telah berlangsung di Espira Kinrara, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor dan boleh disaksikan secara dalam talian melalui Facebook LIVE.

Facebook LIVE

Majlis Apresiasi Industri & Mesyuarat Penasihat Industri 2020 Politeknik METrO Tasek Gelugor





TAKLIMAT PENGESANAN GRADUAN 2020 SECARA DALAM TALIAN

Taklimat ini bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan pembangunan kerjaya graduan Politeknik METrO Tasek Gelugor setelah tamat pengajian dalam tempoh enam bulan. Maklumat ini sangat penting kepada negara dalam merancang pembangunan modal insan dan sosio ekonomi negara.

Taklimat Pengesanan Graduan 2020 disampaikan melalui rakaman video dan dikongsi melalui pautan Youtube. Pelajar diminta untuk mendengar dengan teliti dan perlu mengisi borang maklumat Pengesanan Graduan yang disediakan.

Pautan YouTube

Taklimat Pengesanan Graduan Tahun 2020 Politeknik METrO Tasek Gelugor





PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT HULUR KASIH DI PUSAT JAGAAN DARUL HANAN, PONGSU SERIBU, PULAU PINANG

Tarikh : 25 Februari 2020 (Selasa)
Tempat : Pusat Jagaan Darul Hanan, Pongsu Seribu
Anjuran : Pelajar Diploma Video Filem dengan kerjasama Unit Alumni, PMTG





Program Khidmat Masyarakat Hulur Kasih merupakan satu program yang dianjurkan oleh pelajar Diploma Pengajian Video & Filem bagi Kursus DVV5013 – *Event Management* dengan kerjasama Alumni PMTG. Persatuan Alumni PMTG telah dihadiri oleh Cik Rafikha Awatif binti Rusli dan Cik Intan Nadia Binti Yusof. Program ini merupakan satu usaha Unit Alumni PMTG dalam memberi sumbangan kepada komuniti setempat dan juga dapat mengeratkan hubungan alumni dan Politeknik METrO Tasek Gelugor. Selain itu, program ini juga merupakan satu alternatif kepada alumni untuk menyumbang kembali khidmat mereka kepada Politeknik.

OBJEKTIF

- Memberi suntikan semangat kepada alumni untuk bersama-sama berkhidmat dengan masyarakat setempat.
- Memperkukuhkan hubungan bersama Alumni Politeknik METrO Tasek Gelugor.
- Menjadi satu sumbangan alumni kepada Politeknik



IMPAK PELAKSANAAN AKTIVITI

Program ini sedikit sebanyak telah memberikan pendedahan kepada alumni dalam memberi sumbangan kepada komuniti di samping dapat mengeratkan hubungan antara alumni dan pelajar PMTG. Selain itu, program ini juga dapat menyuntik semangat pelajar semasa untuk bergiat aktif dalam program yang dianjurkan oleh Politeknik walaupun telah menamatkan pengajian.






BENGKEL *TROUBLESHOOTING HARDWARE* BAGI KURSUS DFC10033 *INTRODUCTION TO COMPUTER SYSTEM*











Tarikh : 27 Februari 2020 (Khamis)
Tempat : TEC 1, PMTG
Anjuran : Alumni PMTG dan JTMK PMTG


Alumni PMTG yang telah bekerja dalam bidang Teknologi Maklumat berkongsi ilmu dengan pelajar semester 1 bagi kursus DFC10033 *Introduction to Computer System*. Pemilihan topik yang terlibat telah dibuat oleh pensyarah kursus di mana alumni telah menunjuk cara dan berkongsi ilmu teknikal bagi pemasangan dan penyelesaian masalah perkakasan semasa bengkel tersebut. Selain itu, alumni juga diminta untuk memberi komen dan pandangan berkaitan silibus supaya selari dengan kehendak industri semasa. Program ini merupakan satu usaha Unit Alumni PMTG dalam mengeratkan hubungan alumni dan Politeknik METrO Tasek Gelugor dan juga satu alternatif kepada alumni dalam memberi sumbangan semula kepada Politeknik.

OBJEKTIF

- Memberi suntikan semangat kepada pelajar untuk lebih berjaya dalam akademik.
- Memperkukuhkan hubungan bersama alumni Politeknik METrO Tasek Gelugor.
- Sumbangan alumni kepada politeknik .
- Memberi pendedahan terkini kepada pelajar berkaitan teknik-teknik dan teknologi yang terkini digunapakai.

IMPAK PELAKSANAAN AKTIVITI

Program ini menyuntik ilmu dan pendedahan baharu kepada pelajar PMTG tentang teknik-teknik dan teknologi terkini yang digunakan di industri serta menambah minat pelajar baharu untuk mendalami ilmu teknologi maklumat yang sentiasa berubah dengan pantas.




UNIT PENTADBIRAN & KEWANGAN

PENGENALAN

Unit Pentadbiran dan Kewangan diketuai oleh seorang ketua unit berjawatan Penolong Pegawai Tadbir yang bertanggungjawab menyelia semua urusan perancangan dan pengoperasian unit ini. Unit ini dibahagikan kepada dua (2) sub unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Kewangan. Unit Pentadbiran dianggotai oleh tiga (3) orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), seorang Pembantu Operasi dan dua (2) orang Pemandu kenderaan jabatan. Unit ini bertanggungjawab ke atas pengurusan kakitangan dan sumber manusia termasuk urusan perjawatan dan perkhidmatan supaya data dan maklumat tersebut dapat diselenggara dengan sempurna mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Unit Pentadbiran ini juga bertanggungjawab mengendalikan urusan-urusan yang merangkumi pengurusan kenderaan jabatan, kad inden bahan api, laporan biometric kehadiran pekerja, urusan surat menyurat rasmi kerajaan, sistem fail jabatan, pengurusan stor kerajaan dan pengurusan sumber manusia termasuklah penilaian prestasi tahunan.

Unit Kewangan pula digerakkan oleh seorang Penolong Akauntan (KUP) dan seorang Pembantu Tadbir Kewangan yang bertanggungjawab dalam penyediaan belanjawan jabatan, pengendalian peruntukan kewangan, proses penyediaan bayaran gaji, penyediaan laporan-laporan kewangan secara berkala, penyediaan dan pemeriksaan Baucar Bayaran Am, serta menyemak dan meluluskan baucar pembayaran dan juga tugas-tugas kewangan lain seperti pembayaran elaun dan tuntutan.


CARTA ORGANISASI



PERJAWATAN


Fungsi utama bahagian ini ialah menyelenggara senarai perjawatan berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan mengemaskini data perjawatan iaitu jawatan diisi dan kosong (JIK). Data-data perjawatan ini juga turut dikemaskini melalui sistem Human Resources Management Informations system (HRMIS). Carta bar 1 menunjukkan statistik perjawatan keseluruhan PMTG bagi tahun 2020 manakala carta bar 2 menunjukkan statistik perbandingan jawatan yang diisi di PMTG pada tahun 2019 dan 2020.

Statistik Perjawatan Keseluruhan PMTG bagi tahun 2020



Carta bar 1 : Statistik Perjawatan Keseluruhan PMTG bagi tahun 2020

Statistik Perbandingan Jawatan diisi di PMTG bagi tahun 2019 dan 2020.



Carta bar 2 : Statistik Perbandingan Jawatan diisi di PMTG bagi tahun 2019 dan 2020.

PENGURUSAN KENDERAAN/ KAD INDEN BAHAN API

Tiga (3) jenis kenderaan jabatan yang diurus oleh PMTG iaitu sebuah bas Hino, sebuah van Toyota, sebuah kereta Proton Preve. Kad Inden untuk pembayaran bahan api dibekalkan pada setiap kenderaan PMTG untuk kegunaan urusan perjalanan rasmi kerajaan. Penggunaan bahan api bagi tahun 2020 untuk semua kenderaan PMTG adalah berjumlah RM8,300.68. Terdapat perbezaan yang ketara jumlah penggunaan bahan api bagi tahun 2020 adalah rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh kurangnya pergerakan dalam melaksanakan tugasan rasmi jabatan berikutan situasi semasa yang terjejas akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara Malaysia.


PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Berdasarkan jumlah perjawatan 2020, kuota penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PMTG yang telah diluluskan oleh JPPKK adalah seramai empat (4) orang. Pemilihan calon penerima APC dibuat berdasarkan kriteria yang telah digariskan oleh pihak JPPKK. Bagi tahun 2020, seorang penerima adalah dari kalangan Pengurusan Tertinggi, dua (2) orang adalah dalam kalangan staf akademik manakala baki satu (1) kuota adalah dalam kalangan staf sokongan akademik. Berikut adalah senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2020 :

1. Mohamad Tarmizy Bin Ahmad
2. Siti Hajar Binti Saad@Mohd Yusof
3. Ku Muhammad Asnawi Bin Ku Yahya
4. Azlan Bin Ahmad



LAPORAN STOR KERAJAAN



Carta bar 3 : Statistik kadar pusingan stok mengikut sukuan bagi tahun 2020

Pengurusan stor PMTG diuruskan oleh seorang penyelia stor yang dilantik secara lantikan dalaman oleh pengarah. Tugas penyelia stor adalah menyelia, merancang dan menguruskan stor utama secara keseluruhan dalam memastikan stok bekalan mencukupi untuk kegunaan pengoperasian PMTG. Laporan kedudukan semasa stok adalah antara pelaporan utama yang dikira secara sukuan dan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Kewangan dan Akaun dan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan. Carta bar 3 menunjukkan statistik kadar pusingan stok mengikut sukuan bagi tahun 2020 yang mencatatkan kadar pusingan sebanyak 0.47 % sukuan pertama, 0.02 % sukuan kedua, 5.63 % sukuan ketiga dan 2.92% sukuan keempat.

LAPORAN BILANGAN BAUCAR BAYARAN 2020 (PERUNTUKAN MENGURUS B64)

Antara tugas utama unit kewangan adalah menguruskan proses pembayaran dan tuntutan bagi semua perbelanjaan yang menggunakan waran peruntukan kewangan PMTG setiap tahun. Waran perbelanjaan mengurus (B64) adalah antara sumber kewangan PMTG di samping waran perbelanjaan pembangunan (P64) dan waran-waran sampingan yang lain.

Carta bar 4 menunjukkan bilangan baucar bayaran dan tuntutan yang telah diproses menggunakan peruntukan waran perbelanjaan mengurus (B64) dan jumlah perbelanjaan mengikut pecahan sukuan tahunan. Sepanjang tahun 2020 sebanyak 562 bil telah diproses oleh unit ini dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM 2,149,537.80.



Carta bar 4 : Bilangan baucar pembayaran bil mengikut sukuan bagi tahun 2020.

LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2020

Setiap tahun, PMTG akan menerima peruntukan kewangan bagi melancarkan proses pengurusan dan pengoperasianya. Peruntukan kewangan ini perlu dibelanjakan sewajarnya berdasarkan tatacara dan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa. Jadual 1 menunjukkan jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi waran peruntukan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2020.

BIL.	BULAN	AMAUN
1	JANUARI	14,211.20
2	FEBRUARI	37,388.60
3	MAC	463,318.50
4	APRIL	122,778.42
5	MEI	1,369.00
6	JUN	23,724.00
7	JULAI	46,903.25
8	OGOS	40,017.35
9	SEPTEMBER	489,665.52
10	OKTOBER	379,296.43
11	NOVEMBER	198,902.32
12	DISEMBER	331,963.21
	JUMLAH	2,149,537.80

Jadual 1 : Menunjukkan jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi waran peruntukan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2020.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS 2020

Berdasarkan Jadual 2, pencapaian perbelanjaan mengurus PMTG pada tahun 2020 telah mencapai sasaran iaitu sebanyak 99.91 %.

TAHUN VOT		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BAKI	PERATUS
2020	B64	3,920,495.42	3,917,214.53	0.08%	99.91%
	P64	477,542.00	477,542.00	0.00%	100.00%

Jadual 2 : Pencapaian perbelanjaan mengurus PMTG pada tahun 2020

AKTIVITI UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN SEPANJANG 2020

Antara aktiviti yang melibatkan staf dari Unit Pentadbiran dan Kewangan PMTG adalah mesyuarat jabatan serta kursus/seminar sama ada yang dianjurkan oleh PMTG atau pihak lain. Unit Pentadbiran dan Kewangan juga mengadakan beberapa siri sesi taklimat secara bersemuka dan atas talian bersama semua staf unit ini sebagai salah satu medium untuk membincangkan hasil dan makluman yang diterima oleh ketua unit semasa mesyuarat pengurusan. Selain itu, mesyuarat dan sesi taklimat ini juga menjadi platform bagi membincangkan pekeliling baharu, arahan-arahan terkini serta perancangan yang ingin disampaikan agar dapat digunapakai dan bagi memastikan semua staf sentiasa mendapat informasi yang terkini.

Bagi staf yang menjalankan tugas-tugas kewangan, sebanyak empat (4) sesi mesyuarat telah diadakan iaitu Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) yang diadakan secara sukuan bagi membincangkan serta menyelesaikan isu-isu berbangkit dan beberapa lagi agenda lain seperti pengurusan bajet, pengurusan tunggakan hasil, pengurusan perolehan, pengurusan aset dan stor serta maklum balas teguran audit sekiranya ada.Bagi tujuan perancangan kewangan PMTG bagi tahun berikutnya, Mesyuarat Penyelarasan Anggaran Belanja Mengurus 2020 telah diadakan. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk mengumpul dan menyelaras anggaran perbelanjaan dan perancangan perolehan mengikut unit-unit di PMTG bagi mengenalpasti keperluan kewangan bagi tahun 2021. Perancangan perolehan yang telah diselaraskan ini digunakan bagi menstruktur pengagihan dan perbelanjaan waran peruntukan 2021. Selain itu, staf pentadbiran dan kewangan juga menghadiri beberapa siri kursus/seminar yang dianjurkan dari dalam dan luar jabatan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran di kalangan staf Unit Pentadbiran dan Kewangan dalam menjalankan tugas hakiki seharian. Infografik menunjukkan senarai kursus yang dihadiri.

04/03/2020

Executive Townhall Session (2/2020): Tatacara Tadbir Urus Pengurusan (Pengurusan Kewangan dan Perkhidmatan.

19/02/2020

Executive Townhall Session (1/2020) : Kecemerlangan Organisasi Dan Bengkel HRMIS : Modul Tuntutan Perjalanan Dan Data Perjawatan

30/01/2020

Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan Melalui Sistem eProper Oleh Setiausaha SPP

05-06/02/2021

Bengkel Kerja Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2021



UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN

SINOPSIS
UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN

Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPS) ditambah seramai dua (2) pegawai bagi membantu mengendali kerja-kerja berkaitan dengan projek pembangunan dan aktiviti penyelenggaraan fasiliti di kampus PMTG.

Berikut di bawah adalah senarai anggota di UPS.


1. Ts. Hasbullah bin Mansor selaku Ketua (KUPS)

2. En. Ahmad Faiross bin Ibrahim sebagai Pegawai Pembantu (Bidang Elektrikal)

3. Pn. Effa Norhaiza binti Omar sebagai Pegawai Pembantu (Bidang Mekanikal)

4. En. Zamri bin Darus adalah Penolong Jurutera JA29.

CARTA ORGANISASI



FUNGSI DAN PERANAN UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN

Mengurus (merancang, mengendali dan mengawal selia) projek ataupun aktiviti pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan dan aset di kampus PMTG.

3

FUNGSI DAN PERANAN UTAMA UPS

Memastikan semua kemudahan dan aset di kampus PMTG berfungsi dan beroperasi dalam keadaan yang baik.

Memastikan kemudahan, perkhidmatan dan persekitaran kerja di kampus PMTG berada dalam keadaan kondusif, selesa, sesuai serta selamat digunakan oleh warga dan pelanggan PMTG.

SASARAN KERJA TAHUNAN

SASARAN KERJA TAHUNAN UPS 2020

1. Mengurus (merancang, mengendali dan mengawal selia) projek pembangunan dan aktiviti penyelenggaraan kemudahan dan aset PMTG berdasarkan peruntukan kewangan yang telah diluluskan.

2. Memastikan semua projek ataupun aktiviti Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPS) dapat diselesaikan dalam tempoh kerja yang telah ditentukan.

PROJEK

PROJEK INFRASTRUKTUR 1

Pada tahun 2020, Unit Pembangunan dan Senggaraan (UPS) telah menguruskan pelbagai projek ataupun aktiviti di bawah tiga (3) jenis peruntukan iaitu:

1. Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2.0).
2. Peruntukan Waran B64 untuk kerja penyelenggaraan Aset Tak Alih institusi.
3. Peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) OS28000 PMTG untuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil fasiliti di kampus PMTG.



PROJEK INFRASTRUKTUR 2

PMTG telah mendapat melaksanakan projek PRE 2.0 yang diperuntukkan oleh Kerajaan sebanyak RM187,742.00 untuk dua (2) bidang kerja iaitu:

1. Kerja naik taraf dan ubah suai ruang kerja dan infrastruktur di kampus PMTG.
2. Kerja ubah suai dan baik pulih pendawaian dan perkakasan elektrik di kampus PMTG.

Manakala peruntukan waran B64 daripada Kementerian sebanyak RM120,000.00 telah dikhaskan untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan pengubahsuaian dan penyelenggaraan aset tak alih di kampus PMTG seperti berikut:


1. Kerja pembaikan dinding tandas pelajar perempuan dan dinding bilik Pustakawan rosak akibat serapan air.
2. Kerja ubah suai dan pembaikan saluran paip bekalan air, kepala paip sinki di tandas staf dan table top sinki pantri staf.
3. Kerja senggara mengecat dinding di laluan koridor tingkat bawah dan tingkat 1 serta bilik Pengawal Keselamatan.
4. Kerja ubah suai bilik Inkubator Keusahawanan dan bilik gerakan MPP.
5. Kerja senggara dan pembaikan bumbung.
6. Kerja ubah suai dan pemasangan alat peneduhan awning dan bidai.
7. Kerja ubah suai dan pemasangan sistem ventilasi udara di laluan koridor tingkat bawah dan tingkat atas.
8. Kerja ubah suai pentas di bilik seminar.
9. Kerja ubah suai dan pemasangan bingkai berkerawang di permukaan luar dinding lobi utama dan lapisan tinted sandblast di permukaan dinding dan pintu pejabat Akademik dan kaunter perpustakaan
10. Kerja ubah suai pelantar kaunter di hadapan bilik pengawal keselamatan dan pejabat Hal Ehwal Pelajar.
11. Kerja ubah suai lantai parkir di hadapan lobi dan ramp untuk kemudahan pengguna OKU di laluan kaki lima kampus.



PROJEK INFRASTRUKTUR 3

Peruntukan ABM OS28000 PMTG sebanyak RM25,426.79 pula telah digunakan untuk kerja penyelenggaraan berkala merangkumi aktiviti berikut:

1. Kerja senggara kenderaan jabatan.
2. Kerja senggara alat pendingin hawa jenis Unit Terpisah.
3. Kerja senggara sistem dan alat pemadam api.





UNIT PENGURUSAN ASET


PENGENALAN

1. Unit Pengurusan Aset terdiri dari 11 orang dan diketuai oleh TPA merangkap pegawai aset. Seramai 11 orang staf adalah pemeriksa aset dan 29 adalah penyelia lokasi

2. Mesyuarat JKPAK peringkat PMTG telah dijalankan sebanyak 4 kali mengikut keperluan dan garis masa yang ditetapkan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah PMTG dan di hadiri oleh penyelaras yang terlibat.


3. UPA telah menyediakan laporan berkala dan lain-lain dokumen mengikut keperluan semasa.

CARTA ORGANISASI



AKTIVITI

1. **Bengkel Tatatcara Pengurusan Aset Kerajaan Zon Utara dan Timur JPPKK**
   Tarikh: 28-30 September 2020



2. **Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan**
   Tarikh: 1Januari 2020 – 18 Oktober 2020

3. **Bengkel Penyelia dan Pemeriksaan Aset**
   Tarikh: 20 Julai 2020





KELUAR



4. Program Audit Laptop
Tarikh: 10 Disember 2020





UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

PENGENALAN

Unit teknologi Maklumat dan Komunikasi (UCIT) merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Sokongan Akademik untuk Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG). Ia bertanggungjawab untuk menyelaras prasarana ICT di PMTG agar berfungsi dan sentiasa dalam keadaan baik serta seiring dengan kemajuan teknologi terkini. Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi diterajui oleh 3 orang pegawai yang bertindak sebagai penggerak dan perlaksana misi dan visi yang telah digariskan. Lokasi unit ini terletak di Aras Bawah Politeknik METrO Tasek Gelugor iaitu bersebelah dengan Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor.

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi turut bertanggungjawab memastikan Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) di PMTG sentiasa dalam keadaan baik dan dikemaskini. Ia merupakan suatu sistem yang mengintegrasikan sistem iHELP, iDAFTAR, iUPLI, iEXAM, iKOKO di samping beberapa modul lain.

Selain pemantauan SPMP, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi memainkan peranan menyediakan infrastruktur ICT bagi sistem lain seperti 1GFMAS, ePerolehan, eTerimaan, HRMIS, pentadbiran *1GovUC* (*webmail*), pentadbiran Microsoft 365, pentadbiran pakej Adobe, pentadbiran Sistem Pengurusan Aset (SPA), pentadbiran Sistem Pengurusan Stor (SPS) dan pembangunan serta pengemaskinian Laman Sesawang (*Web*). Di samping itu, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi Politeknik METrO Tasek Gelugor bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan sokongan operasi dan penyelenggaran bagi perkakasan, perisian, aplikasi dan rangkaian.

SKOP PERKHIDMATAN

- Menyelaras, memantau dan menyelenggara sistem dan perkakasan rangkaian komputer PMTG.
- Menyelaras, memantau dan menyelenggara sistem dan perkakasan komunikasi PMTG.
- Menyelaras, memantau dan menyelenggara sistem dan perkakasan *server* PMTG.
- Menyelaras, memantau dan menyelenggara sistem dan perkakasan aset PMTG.
- Menyelaras dan mengemaskini lesen perkhidmatan perisian untuk kegunaan kakitangan PMTG.
- Menyelaras dan memantau aplikasi utama Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) dan Laman Sesawang (Web) PMTG.
- Mewujudkan dan mengemaskini akaun email PMTG dan ID pengguna bagi kakitangan baru, bertukar keluar, berhenti atau bersara berkhidmat di PMTG.
- Membuat pemantauan berterusan bagi memastikan Penggunaan emel digunakan dalam berkomunikasi.
- Mengurus dan menyelaras pembangunan sistem aplikasi baru mengikut keperluan PMTG.
- Menyelaras, memantau dan mengurus kertas kerja JPICT PMTG.
- Menerima dan memproses permohonan bagi pembekalan peralatan ICT (Komputer, *Printer*, *Scanner*).
- Memberikan khidmat bantuan teknikal dalam pemeliharan peralatan ICT.
- Menerima dan mengendalikan kerja-kerja penghapusan peralatan ICT yang telah rosak, usang dan tidak dapat digunakan lagi.
- Memastikan semua maklumat Peralatan ICT dikumpul (*inventory*).
- Menyelaras dan mengurus keperluan *consumable* dan peralatan ICT.
- Memastikan dan memantau penggunaan *Intranet* dan *Internet* secara *internal.*
- Memastikan dan memantau rangkaian perkongsian peralatan seperti *access point* (AP), *network point* dan *printer sharing* tidak mengalami masalah.
- Menyediakan perkhidmatan pinjaman komputer riba bagi pegawai dan kakitangan yang memerlukan bagi tujuan mesyuarat, taklimat, latihan dan lain-lain secara jangka pendek.
- Membuat pemantauan dan memastikan mesin kehadiran cap jari (*Finger Print*) berfungsi dengan baik.

AKTIVITI

1. PEMERIKSAAN ASET ICT

2. PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN BERKALA

CARTA ORGANISASI



PEMERIKSAAN ASET ICT

Tarikh : 10 Disember 2020
Lokasi : Politeknik METrO Tasek Gelugor

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UICT) dengan kerjasama pegawai pemeriksa aset Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah melaksanakan pemeriksaan aset ICT. Di dalam pemeriksaan ini, aset yang sedia ada diselaraskan dengan aset-aset yang telah didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA). Di samping itu, UICT juga melaksanakan pemeriksaan dan menanda aset-aset yang dikenal pasti mengalami kerosakan minor dan mengambil tindakan susulan selepas selesai proses pemeriksaan aset dijalankan.







PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN BERKALA (PPM PHASA 2) PERALATAN SEWAAN ICT

Tarikh : 25 Jun 2020 (Khamis)
Lokasi : Politeknik METrO Tasek Gelugor

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UICT) bersama wakil kakitangan Syarikat Strateq Sdn Bhd (pembekal peralatan sewaan ICT) telah melaksanakan proses penyelenggaraan pencegahan berkala (PPM Phasa 2) untuk peralatan ICT. Peralatan ini telah disewakan oleh syarikat berkenaan kepada Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Lokasi yang terlibat adalah di Jabatan Akademik, Unit Pentadbiran, Unit Peperiksaan, Unit Hal Ehwal Pelajar, Perpustakaan, Makmal Komputer 1, Makmal Komputer 2 dan Makmal Komputer 3. Proses penyelenggaraan ini mengambil masa selama tujuh (7) hari bermula pada 25 Jun 2020 dan selesai pada 3 Julai 2020.







UNIT PERPUSTAKAAN

PENGENALAN

Unit Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor adalah komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam menguruskan dan menyediakan sumber maklumat sebagai pemangkin dan usaha ke arah menyokong kemajuan akademik Politeknik sejajar dengan Visi, Misi dan Objektif Politeknik METrO Tasek Gelugor.

CARTA ORGANISASI




AKTIVITI

AKTIVITI 1: PAMERAN COVID-19







Tarikh : 15 April 2020
Lokasi : Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pengenalan :
Pameran ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada pengguna perpustakaan agar dapat menghayati kesedaran mengenai langkah pencegahan serta kesedaran rakyat mereka terhadap penggunaan pelitup muka, mematuhi prosedur operasi standard (SOP), penjarakan sosial dan penggunaan *hand sanitizer*.

Objektif :
- Berkongsi informasi dan keterangan menyeluruh berkaitan Covid-19.
- Isu-isu pandemik dan rangkuman perjalanan Malaysia melawan virus Covid-19.
- Mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

AKTIVITI 2: PERTANDINGAN SAHIBBA ANTARA KELAS











Tarikh : 19 Februari 2020
Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari
Lokasi : Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pengenalan :
Pertandingan ini merupakan *platform* yang digunakan untuk memperkukuhkan kemahiran maklumat dalam kalangan pelajar PMTG dan sekaligus dapat menarik minat dan mendorong pelajar untuk menjadikan perpustakaan sebagai tempat rujukan utama mereka.

Objektif :
- Meningkatkan daya saing dalam kalangan pelajar dalam menghasilkan idea dan kreativiti masing-masing.
- Memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam menguruskan program ini.
- Mendedahkan para pelajar dengan pengurusan acara dan dalam masa yang sama dapat memupuk daya kepimpinan mereka.
- Mengeratkan silaturahim antara setiap pelajar dan kakitangan Politeknik METrO Tasek Gelugor.

AKTIVITI 3: PROGRAM SEMARAK MERDEKA, RUKUN NEGARA DAN HARI MALAYSIA @*LIB* PMTG







Tarikh : 01 Ogos hingga 09 September 2020
Lokasi : Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pengenalan :
Program Semarak Merdeka, Rukun Negara dan Hari Malaysia *@Lib* PMTG ini merupakan program anjuran bersama Unit Perpustakaan PMTG dengan Majlis Perwakilan Pelajar PMTG. Program ini melibatkan semua pelajar Politeknik METrO Tasek Gelugor yang merupakan pengguna perpustakaan. Sejajar dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2020 iaitu 'Malaysia Prihatin' yang perlu disematkan dalam ingatan untuk mengukuhkan kembali asas-asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar untuk turut bersama-sama memerangi musuh di kala ini iaitu wabak Covid-19.

Objektif :
- Mewujudkan perasan cinta kepada negara yang boleh menjadi tali pengikat utama kepada perpaduan bangsa antara pelajar.
- Bersama-sama merancakkan lagi kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan melalui penggunaan media sosial untuk menzahirkan rasa kebanggaan menyambut hari penuh bermakna ini dengan menyertai pertandingan yang dianjurkan.
- Mengimbau kembali perjalanan sejarah kemerdekaan negara agar dapat hidup penuh harmoni serta bersatu padu dan mempunyai jati diri dan semangat patriotisme tinggi.
- Menyedarkan para pelajar bagi menjalani kehidupan dalam suasana norma baharu serta kaedah pematuhan operasi standard (SOP).

Antara rentetan perjalanan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh program adalah seperti berikut :

TARIKH	AKTIVITI
01 - 31 Ogos 2020	Pameran Gambar Perjuangan Kemerdekaan
24 - 28 Ogos 2020	Pertandingan Mencipta Poster Program Derma Buku Unit Perpustakaan PMTG
09 September 2020	Kuiz Kemerdekaan (*Kahoot*)
18 - 28 Ogos 2020	Pertandingan Sahibba
24 - 28 Ogos 2020	Pertandingan Video Sajak Merdeka
26 Ogos 2020	Pertandingan Catur
21 - 28 Ogos 2020	Pertandingan Video Kraftangan Merdeka (menggunakan barang kitar semula)
21, 28 Ogos dan 04 September 2020	Tayangan Filem dan Video Kemerdekaan
09 September 2020	Majlis Penutup Program Semarak Merdeka, Rukun Negara dan Hari Malaysia @*Lib* PMTG

AKTIVITI 4: PAMERAN TEMPAT PELANCONGAN DI PULAU PINANG





Tarikh : 01 hingga 30 Oktober 2020
Lokasi : Perpustakaan Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pengenalan :
Pameran ini diadakan untuk menonjolkan seni, warisan dan sejarah negeri Pulau Pinang untuk tatapan semua pengguna perpustakaan.

Objektif :
- Mempamerkan sejarah awal negeri Pulau Pinang secara terperinci iaitu sejarah Pulau Pinang yang dahulunya adalah di bawah Kerajaan Negeri Kedah dan perkembangan negeri Pulau Pinang hingga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- Mengetahui dan mempelajari secara langsung aspek warisan budaya, sejarah, seni, alam kemanusiaan, alam semula jadi dan yang berkaitan dengannya.

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO TASEK GELUGOR

2020

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

No. 25, Jalan Komersial 2,
Pusat Komersial Tasek Gelugor,
13300 Tasek Gelugor,
Pulau Pinang, MALAYSIA
Tel : 04-573 2789
Faks : 04-573 2087

ISSN 2756-8148

www.pmtg.edu.my